


Jilid II
Bil. 4



Hari Isnin
5hb April, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

**Titah Jawapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
kepada Ucapan Tahniah [Ruangan 365]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 366]**

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 414]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
S.P.M.J. (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

” Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabohan Kelang).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu^uLangat).

” Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

” Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K.,
P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD,
S.P.M.J. (Pontian).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDIEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

” Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

” Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO ÜNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

Yang Berhormat TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).

Yang Berhormat RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMURUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SING, P.B.S. (Miri Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 5hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

**PEMASYHURAN TIMBALAN YANG DI-
PERTUA**

**TITAH JAWAPAN D.Y.M.M. SERI
PADUKA BAGINDA YANG DI-
PERTUAN AGONG KEPADA
UCAPAN TAHNIAH**

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, baru sebentar tadi saya telah menerima sepucuk surat daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan usul Dewan ini mengenai ucapan tahniah kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas lantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Bahagian surat mengenainya, saya bacakan demikian bunyinya :

“Beta memaklumkan kepada Tan Sri bahawa surat Tan Sri bertarikh 3hb Mac, 1976 kerana menyampaikan ketetapan ucapan tahniah Majlis Dewan Rakyat Malaysia atas lantikan Beta sebagai Yang di-Pertuan Agong itu telah Beta terima dengan selamatnya. Beta adalah mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih jua. Beta meminta kelapangan Tan Sri apalah kiranya Tan Sri menyampaikan terima kasih Beta kepada sekalian Ahli-ahli Majlis Dewan Rakyat Malaysia kerana membuat ketetapan ucapan tahniah dan ikrar taat setia kepada Beta itu dan jua di atas perasaan yang tulus ikhlas yang telah ditunjukkan kepada Beta itu akan dikandungkan di dalam ingatan Beta selama-lamanya.”

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS
SABAH**

1. Tuan Azahari bin Md. Taib (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada tuntutan Filipina ke atas Sabah telah diselesaikan berikutan dengan Persidangan Kemuncak di Bali atau apakah keputusan atas tuntutan tersebut.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, tuntutan Filipina ke atas Sabah bukanlah satu perkara untuk perbincangan di Persidangan Kemuncak Bali yang telah membincangkan hal-hal ASEAN. Sikap Kerajaan Malaysia terhadap tuntutan itu memang sudah ternyata tidak memerlukan apa-apa huraian yang lebih lanjut.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa soal Filipina menuntut Sabah telah dilupakan kerana kerjasama dan persefahaman ASEAN atau Filipina telah sedar bahawa dari segi ilmu alam, kebudayaan dan tamaddun Sabah mempunyai persamaan dengan Malaysia?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah menyatakan perkara ini tidak dibincangkan di dalam Persidangan Kemuncak di Bali.

**PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
AWAM PERSEKUTUAN—SABAH
SARAWAK—PENYATUAN**

2. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Perdana Menteri menyatakan samada Jawatankuasa Antara Kerajaan peringkat Menteri yang ditubuhkan untuk mengkaji

semula hak-hak istimewa yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak telah mengesyurkan penyatuan perkhidmatan tadbiran awam antara kedua Negeri itu dengan Perkhidmatan Tadbiran Awam Malaysia.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Antara Kerajaan peringkat Menteri dalam mesyuaratnya pada 4hb Disember, 1975, di antara lain telah bersetuju supaya perkhidmatan-perkhidmatan awam di Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah dan Sarawak hendaklah disatukan dengan Perkhidmatan-perkhidmatan Awam Persekutuan. Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengkaji dan menyediakan syarat-syarat penyatuan ini.

ORANG-ORANG YANG TIDAK BERNegara (STATELESS PERSONS)

3. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau telah mengarahkan Kementerian Luar Negeri membangkitkan dengan Republik Rakyat China soal 200,000 orang-orang yang tidak mempunyai negara (stateless persons) supaya perkara ini dapat diselesaikan sebagaimana yang diduga di dalam peristiharan bersama di antara Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussein dan Mendiang Tuan Chou En-Lai yang dibuat di Peking dua tahun dahulu, dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara membincangkan dengan Kerajaan Republik Rakyat China mengenai masalah orang-orang keturunan China yang tidak mempunyai negara tetapi bermastautin di Malaysia adalah sama seperti yang telah dinyatakan oleh Menteri Luar Negeri di Dewan ini pada 5hb November, 1975 dahulu. Kerajaan berpendapat bahawa masanya belum lagi sesuai untuk mengemukakan perkara ini. Oleh itu, arahan belum lagi diberi kepada Kementerian Luar Negeri.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bilakah Kerajaan dapat membincangkan perkara tersebut dengan Kerajaan Republik Rakyat China?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan iaitu bila masanya sesuai, pada masa itulah kita akan membincangkan.

PELABUR-PELABUR ASING

4. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) hasil-hasil positif yang dicapai oleh Malaysia dalam bentuk pelaburan asing sejak Seminar Pelaburan Asing yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini;
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa pelaburan asing tidak dilabur di negara ini sebagaimana yang diharapkan walaupun dengan galakan-galakan dan jaminan-jaminan yang diberi oleh Kerajaan dan jika benar, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil bagi memperbaiki iklim pelaburan di Malaysia; dan
- (c) samada Kerajaan akan menimbang untuk melonggarkan dasar pelaburannya supaya dapat menarik lebih banyak pengaliran pelaburan asing dalam Malaysia.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Oleh kerana Seminar Pelaburan Malaysia baru sahaja diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Oktober, 1975, adalah terlalu awal untuk mengharapkan hasil-hasil yang positif dari pelabur-pelabur asing. Dari pengalaman, biasanya hanya kira-kira selepas setahun barulah hasil-hasil dalam bentuk projek-projek dapat dilihat. Walau bagaimanapun seminar ini memberi peluang kepada Malaysia untuk memperkenalkan dan memaklumkan peluang-peluang pelaburan yang terdapat di negara ini dan yang lebih penting untuk menerangkan dasar-dasar Kerajaan bersabit dengan sektor perkilangan dan untuk memberi jaminan kepada para pelabur akan kestabilan negara dari segi ekonomi dan politik. Seminar ini telah diadakan tepat pada masanya memandangkan betapa banyaknya kabar-kabar angin dan lapuran-lapuran yang tidak sihat berkenaan dasar-dasar Malaysia bersabit dengan pelaburan asing dan keadaan keselamatan di rantau ini amnya dan di Malaysia khususnya. Seminar ini memberi peluang kepada Malaysia untuk menghapuskan apa-apa kesangsian yang terdapat tentang

dasar-dasar Kerajaan dalam menggalakkan pelaburan asing dan tentang keadaan keselamatan negara. Di samping itu, seminar ini juga dijangka akan membawa faedah-faedah yang tidak langsung memandangkan bahawa sebilangan besar para peserta seminar terdiri daripada wakil-wakil sebaran am antarabangsa dan bank-bank dari negara-negara maju. Agensi-agensi ini adalah biasanya menjadi sumber maklumat pada para pelabur yang bercadang untuk melabur modal di negara-negara kurang maju.

Walaupun hasil positif dari seminar ini biasanya dapat dilihat hanya dalam jangka masa yang panjang, sukacita saya maklumkan kepada Dewan ini bahawa dua permohonan untuk mendirikan projek-projek perkilangan di Malaysia telah dimajukan baru-baru ini oleh para peserta seminar tersebut.

- (b) Di dalam Rancangan Perspektif, saham pelaburan asing dianggarkan meliputi 25.9% daripada jumlah modal di dalam syarikat-syarikat swasta pada keseluruhannya. Dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Kedua, saham pelaburan asing di dalam sektor perindustrian meliputi 32.9% daripada jumlah saham pelaburan yang diluluskan. Nilai pelaburan asing yang diluluskan itu pula telah semakin bertambah dari tahun ke tahun kecuali dalam tahun 1975 apabila cadangan-cadangan pelaburan telah dipengaruhi oleh keadaan kemerosotan ekonomi sedunia. Walau bagaimanapun, dalam tahun itu saham pelaburan asing, di dalam sektor perintis misalnya, telah bertambah sebanyak 18.0% melebihi tahun 1974. Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa kemasukan pelaburan asing ke negara ini adalah berkurangan daripada yang diharapkan.
- (c) Kerajaan menggalakkan pelaburan asing di negara ini, tetapi sebahagian daripada faedah projek yang diusahakan itu haruslah diperolehi oleh rakyat Malaysia. Sementara dasar pelaburan negara pada amnya mesti dilaksanakan, beberapa kelonggaran telahpun dibenarkan dan kemudahan-kemudahan diperolehkan untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan asing ke dalam sektor perindustrian. Garis panduan

mengenai pelabur asing ada dilonggarkan untuk dipersesuaikan kepada beberapa projek tertentu mengikut pertimbangan yang bergantung kepada jenis perusahaan dan keadaan projek yang terlibat itu.

TANGGAGAJI POLIS DI RAJA MALAYSIA

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada tanggagaji anggota Polis Di Raja Malaysia Pangkat Rendah telah dibuat kajian seperti pernah diumumkan oleh Perdana Menteri, jika ia, bila akan dilaksanakan, dan jika belum, bilakah kajian itu hendak dibuat.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengkaji kedudukan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan anggota-anggota Pasukan Polis Di Raja Malaysia yang berpangkat rendah. Kajian ini terpaksa dilakukan dengan sedalam-dalamnya dan mengambil kira berbagai implikasi yang terlibat. Hanya setelah kajian itu dilakukan barulah dapat Kerajaan mengumumkan keputusan kajian itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan bilakah agaknya kajian itu dapat dikemukakan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pegawai-pegawai yang berkaitan di dalam Perbendaharaan, Polis dan Jabatan Perkhidmatan Awam sedang mengkaji perkara ini dan sudahpun memberi satu rangka laporan kepada Kerajaan dan pegawai-pegawai tersebut dipinta mengkaji lagi implikasi-implikasi tentang penukaran syarat-syarat perkhidmatan Polis. Dukacitanya setakat ini saya tidak dapat tahu bilakah Kerajaan boleh mengambil keputusan yang muktamad atas perkara ini.

RANCANGAN RUKUN TETANGGA

6. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan yunit rancangan Rukun Tetangga yang telah dilancarkan di negara ini sehingga sekarang; dan

- (b) sejauh manakah kejayaan telah dicapai semenjak rancangan itu dilancarkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Abdul Samad bin Idris) Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini sebanyak 75 sektor Rukun Tetangga telahpun dilancarkan dengan rasminya di Semenanjung Malaysia. Di samping itu ada lagi beberapa kawasan yang telah menubuhkan Rancangan Rukun Tetangga dengan cara sukarela dan akan dirasmikan pelancarannya dari masa kesemasa.

Bagi menjawab soalan (b) daripada Ahli Yang Berhormat itu, suka saya memaklumkan di Dewan ini bahawa banyak kejayaan telah dicapai semenjak Rancangan ini dilancarkan. Di kawasan-kawasan yang telah menubuhkan Rukun Tetangga dan diisytiharkan telah membuktikan kesan yang sangat baik dan berfaedah kepada penduduk di kawasan-kawasan yang berkenaan terutama sekali dari segi membantu pengawalan keselamatan, mengurangkan kejadian jenayah dan mengeratkan hubungan kemasyarakatan.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memandangkan kejayaan-kejayaan di kawasan-kawasan yang telah dilancarkan rancangan Rukun Tetangga ini sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, dan juga memandangkan bahawa keadaan-keadaan atau keperluan-keperluan di mana kawasan-kawasan yang telah dilancarkan yunit ini dengan kawasan yang belum dilancarkan sama keadaannya. Adakah Kerajaan bercadang melancarkan dengan serentak kepada kawasan-kawasan yang belum lagi dilancarkan rancangan Rukun Tetangga ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, untuk melancarkan serentak ini adalah sulit sedikit kerana ini terpulung kepada Majlis Keselamatan Negeri masing-masing untuk memikirkan kawasan-kawasan yang difikirkan perlu untuk dilancarkan Rukun Tetangga ini. Walau bagaimanapun, di atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu, kami mengambil ingatan dan perhatian.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan Tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini iaitu setakat ini,

adakah orang-orang yang enggan menjalankan kewajipan keluar meronda dalam konteks Rukun Tetangga apabila diminta mereka menjalankan kewajipan ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, menurut maklumat yang terakhir meskipun ada sedikit-sedikit rungutan daripada rakyat, tetapi tidaklah banyak. Pada umumnya rakyat adalah menyambut Rukun Tetangga ini dengan perasaan yang bertanggungjawab dan ini mendatangkan satu galakan yang besar kepada Kerajaan untuk melancarkan lebih banyak lagi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Batu Pahat tadi.

PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

7. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang akan dijalankan dalam erti-kata Rancangan Malaysia Ketiga untuk mencapai matlamat sekurang-kurangnya 16% atau lebih penyertaan Bumiputra dalam bidang ekonomi.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, langkah-langkah yang akan diambil ialah usaha-usaha yang telah dimulakan oleh berbagai-bagai badan Kerajaan yang berkenaan, umpamanya PERNAS, UDA, MARA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Kerajaan akan memastikan peruntukan yang cukup untuk badan-badan ini untuk mempercepatkan penglibatan Bumiputra di dalam ekonomi. Butir-butir lanjut tentang langkah-langkah ini akan dikemukakan di dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga.

SINDIKET/PENGEDAR DADAH

8. Tuan Ja'afar bin Hamzah minta Menteri Undang-undang menyatakan langkah-langkah yang berkesan untuk menghapuskan sindiket-sindiket dan pengedar-pengedar dadah di dalam negara kita, selain daripada meminta kerjasama dari orang ramai.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar kegiatan pengedaran dadah

di dalam negara ini oleh segolongan mereka yang tidak bertanggungjawab telah bertambah. Dengan itu Kerajaan telah menjalankan segala usaha dan langkah-langkah bagi membenteras pengedaran ini bagi kesejahteraan rakyat dan keutuhan negara kita ini.

Melalui agensi-agensi Penguatkuasaan—Pusat Biro Narkotik, Polis, Kastam dan Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan yang aktiviti-aktivitinya diperhebatkan lagi, Kerajaan telah berjaya menangkap sebilangan besar penyeludup-penyeludup dan pengedar-pengedar dadah di negara ini. Di akhir tahun 1975 seramai 3,202 orang pesalah dadah telah ditangkap hampir dua kali ganda jika dibandingkan dengan tangkapan tahun 1974 (1,819 orang) dan tahun 1973 (1,613 orang). Seramai 68 orang dari mereka telah dihantar ke Pulau Jerjak oleh Polis di bawah Undang-undang Dharurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Ordinan Kediaman Terhad. Pusat Biro Narkotik telah menangkap 66 orang pengedar yang mana 15 orang telah dituduh atas kesalahan-kesalahan jika sabit akan menerima hukuman bunuh atau penjara seumur hidup serta sebat (rotan) tidak kurang dari enam kali. Sekarang ini saya sedang menimbangkan tiga orang lagi pengedar dadah yang baru ditangkap samada hendak dituduh di bawah seksyen yang tersebut. 2 orang lagi telah diambil tindakan di bawah Ordinan Kediaman Terhad.

Jumlah dadah-dadah bahaya yang dirampas juga bertambah. Jumlah heroin yang dirampas dalam tahun 1975 ialah 198 paun, lebih dua kali ganda dibandingkan dengan rampasan tahun 1974 (58 paun) dan 1973 (41 paun). Morfin 52 paun atau $1\frac{1}{2}$ kali ganda dari tahun 1974 (20 paun $13\frac{1}{2}$ aun). Rampasan pokok ganja diakhir tahun 1975 ialah 84, 27 pokok, lebih 16 kali dari rampasan tahun 1974 (5,141 pokok). Begitu juga rampas MX pil 52,112 butir dalam tahun 1975 dan 28,941 dalam tahun 1974.

Keazaman Kerajaan untuk menghapuskan pengedaran dadah juga ternyata dengan beberapa pindaan yang dibuat semenjak tahun 1973 terhadap Ordinan Dadah Berbahaya kita. Sekarang mereka yang sabit atas kesalahan melalui atau "trafficking" dadah boleh dijatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup serta disebat dengan rotan—malangnya hingga sekarang ini belum lagi kes itu tiba ke mahkamah tinggi.

Undang-undang Dadah Merbahaya ini akan bertambah hebat lagi bila Kerajaan menjadikan penanaman ganja secara haram satu kesalahan yang hukumannya setimpal dengan hukuman-hukuman dikenakan kepada pelari dadah.

Kerajaan juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Jemaah Menteri atas masalah dadah dan telahpun bermesyuarat pada minggu lepas dan ada syor-syor yang baik telah dikemukakan dan akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk ditimbangkan oleh Jemaah Menteri. Selain daripada itu, sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, kita telah tubuhkan "PEMADAM" atau Persatuan Masalah Dadah Berbahaya, Malaysia.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Nampaknya setiap kali Menteri memberi kenyataan di sini bahaya dadah sentiasa bertambah, tak pernah tersebut kurang. Adakah bahaya ini bertambah dengan sebab kurang anggota polis menjalankan tugas ataupun kurang pegawai dalam Biro Narkotik ataupun kurang kerjasama daripada orang ramai? Kalau keadaan ini benar berlaku adakah pihak Kerajaan hendak menambah lagi orang-orang dalam Biro Narkotik lebih hebat lagi menjalankan tindakan membasmi dadah? Saya harap mendapat kenyataan sedikit.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan sedar bertambahnya penyalahgunaan dadah itu, tetapi hendak menjawab dengan tetap satu-satu sebabnya adalah payah, melainkan saya dapat satu jawapan penyelidik daripada Universiti Sains Pulau Pinang yang mengkaji perkara ini dengan mendalam dan laporannya akan keluar dalam bulan Mei-Jun tahun ini. Tetapi kalau dikatakan bertambahnya bilangan penagih dadah itu sebab kegiatan atau pihak berkuasa adalah tidak benar kerana pihak berkuasa Polis, Kastam, Biro Narkotik sentiasa menjalankan tugas.

Betul kita ada kekurangan sedikit kakitangan, kalau kita tambahpun tidak akan mengurangkan bilangan penagih dadah ini, melainkan pada pandangan saya ialah kerjasama yang lebih rapat lagi daripada tiap-tiap penduduk dalam negara ini kerana masalah ini atau penyakit ini ialah masalah masyarakat Walau macammana keras pun tindakan kita ambil, perkara ini akan merebak

melainkan setiap ahli masyarakat, ibu-bapa khususnya mengambil bahagian cergas.

Saya berkata begitu kerana masih lagi ada penduduk dalam negara ini memandang ringan dalam perkara ini kerana mereka berpendapat famili dan keluarganya tak bersabit, saudara-maranya tak ada kena-mengapa, apa sebab saya hendak ambil berat. Mereka itu lupa di dalam seminggu-dua lagi boleh jadi anak atau kaum keluarganya akan dijangkiti atau menjadi penagih dadah. Inilah saya minta Ahli Yang Berhormat menyedarkan tiap-tiap penduduk dalam negara ini, hendaklah mengambil berat atas perkara ini baru dapat dikurangkan dan masaalah ini tidak akan sementara sahaja, saya tegaskan di sini, akan berpanjangan di dalam negara kita, selagi setiap rakyat tidak bekerjasama.

SYARIKAT PERUMAHAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

9. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kewangan menyatakan pada tahun apakah Pengerusi Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan di Damansara telah menerima wang-wang tempahan dari orang ramai, apakah dibuat dengan wang tersebut dan mengapa rumah-rumah ini belum lagi disiapkan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, wang tempahan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya ialah bayaran pendaftaran yang dikehendaki dari tiap-tiap pegawai Kerajaan yang mahu didaftarkan sebagai pemohon untuk membeli rumah atau tanah yang diusahakan oleh Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sdn. Berhad. Syarikat itu tidak mengambil pemohon dari orang ramai.

Pendaftaran pemohon-pemohon dari pekerja-pekerja Kerajaan telah diadakan dua kali, iaitu pertamanya dalam tahun 1972 selama sebulan mulai daripada 15hb September hingga 15hb Oktober, 1972, dan keduanya selama 6 bulan mulai daripada 1hb Disember, 1973 hingga 31hb Mei, 1974. Pendaftaran ini dilakukan bagi pemohon-pemohon yang berhajat membeli rumah atau tapak rumah bukan sahaja dalam kawasan Damansara, bahkan juga dalam kawasan-kawasan lain yang diusahakan oleh Syarikat itu.

Tujuan mengenakan bayaran pendaftaran tersebut ialah untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja yang benar-benar layak sahaja akan membuat permohonan untuk diproses dan diundi dan akhirnya ditawarkan rumah atau tapak yang dimajukan oleh Syarikat. Wang itu disimpan oleh Syarikat. Sehingga sekarang syarikat itu telah membina rumah atau menyediakan tapak sebanyak lebih kurang 1,300 yunit, dan rumah-rumah tersebut telahpun dijual dan kebanyakannya telahpun diduduki oleh pekerja-pekerja Kerajaan yang berjaya membelinya. Wang pendaftaran tersebut dikembalikan kepada pemohon-pemohon sekiranya mereka menarik diri pada bila-bila masa jua.

Tentang rumah-rumah yang belum disiapkan suka saya menarik perhatian Yang Berhormat kepada jawapan yang telahpun diberikan kepada soalan yang sama dalam Dewan ini pada 26hb November, 1975.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar ada orang yang membuat wang pertaruhan dahulu dan kemudian tidak boleh menunggu Syarikat tersebut membeli atau menawarkan rumah atau tanah kerana mereka hendak menarik diri daripada Syarikatnya, tetapi tidak dikembalikan wangnya?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tolong ulang semula soalan itu.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa kakitangan Kerajaan yang mula-mula memberi wang pertaruhan kepada Syarikat tersebut dan oleh sebab mereka tidak boleh menunggu begitu lama untuk mendapatkan rumah atau tapak tanah maka mereka menarik diri daripada Syarikatnya, tetapi malangnya mereka tidak dapat wang pertaruhannya itu dikembalikan kepada mereka?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan sebentar tadi memang Syarikat itu tidak mengambil wang pertaruhan (deposit), kita hanya memungut wang pendaftaran untuk mana-mana pemohon yang berhajat membeli rumah ataupun tapak rumah. Jadi pihak Kementerian tidak mengetahui tentang apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

CROWN AGENTS

10. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pertahanan menyatakan jenis barang-barang dan alat-alat yang masih dibeli oleh Kementerian ini melalui Crown Agents dan mengapakah pembelian barang-barang dan alat-alat ini tidak dibuat secara langsung.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, jenis barang-barang dan alat-alat yang masih dibeli oleh Kementerian Pertahanan melalui Crown Agents tidaklah ada ketetapan kerana pembelian adalah dibuat mengikut keadaan. Pembelian melalui Crown Agents hanyalah dibuat di dalam keadaan-keadaan berikut:

- (a) barang-barang yang diperlukan tidak terdapat di dalam pasaran tempatan dan pembekal-pembekal dari luar negerinya tidak diketahui;
- (b) pembelian alatan tentera daripada Kementerian Pertahanan, United Kingdom;
- (c) apabila harga daripada Crown Agents adalah lebih murah;
- (d) apabila pemeriksaan teliti oleh Crown Agents adalah sangat-sangat dikehendaki.

Segala pembelian melalui Crown Agents perlu dipersetujui oleh pihak Perbendaharaan terlebih dahulu dan pihak Perbendaharaan hanya akan meluluskannya apabila pembelannya itu tidak dapat dibuat melalui cara-cara lain.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berusaha untuk membeli menerusi cara-cara yang lain. Pembelian melalui Crown Agents telah berkurangan tiap-tiap tahun, misalnya untuk keperluan Tentera Darat dalam tahun 1970 sebanyak 140 pembelian bernilai \$23.2 juta dibuat berbanding dengan hanya 2 pembelian bernilai \$0.40 juta dalam tahun 1975, manakala untuk T.U.D.M. pula membuat pembelian bernilai \$7.16 juta dalam tahun 1970 dan \$1.83 juta dalam tahun 1975 telah dibuat. T.L.D.M. hanya membeli alatan gantian dalam kerja memperbaiki Kapal Serang Laju (Fast Patrol Craft) sahaja.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan

Menteri ada menerangkan butir-butir pembelian menerusi Crown Agents. Oleh itu bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan yang beliau berpuas hati bahawa barang-barang setor yang dibeli melalui Crown Agents telah diterima dan dimasukkiran dengan betul?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suatu perkara yang specific. Saya minta Ahli Yang Berhormat kalau dapat menentukan apakah barang-barang yang dimaksudkan, selepas ini nanti boleh dibuat penentuan.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi keterangan kepada Dewan berapa peratuskan commission yang kita bayar kepada Crown Agents itu atas pembelian?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sekali lagi soalan yang tertentu. Saya minta notis untuk memberi jawapan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan soalan tambahan saya tadi ialah satu perkara yang specific. Saya suka meminta samada Timbalan Menteri telah membaca Lapuran Juru Odit Negara, 1972 di mana ada tercatat bahawa lebih \$12.9 juta barang-barang yang telah dibeli menerusi Crown Agents, Juru Odit Negara tidak berpuas hati dengan vaucher-vaucher yang telah dikemukakan oleh pembeli dan begitu juga tidak dimasukkiran dengan betul.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, itulah maksud saya tadi. Lapuran Juru Odit Negara itu ada benda-benda yang tertentu yang dimaksudkan oleh lapuran itu jadi apabila Ahli Yang Berhormat timbulkan soalan adakah perkara-perkara tertentu dimaksudkan, sebab itu saya ingin tahu apakah benda-bendanya kerana soalan Ahli Yang Berhormat adalah menyeluruh tentang kesemua pembelian itu. Tidakkah dapat saya menjawab di sini kerana ada perkara-perkara yang tertentu seperti yang dimaksudkan oleh lapuran itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bolehlah Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor menulis kepada Yang Berhormat

Timbalan Menteri. Perkara ini ada kaitannya dengan soalan asal, sebab itu saya benarkan.

RANCANGAN TANAH PERAJURIT DI SUNGAI KOYAN, PAHANG

11. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) kejayaan-kejayaan yang dicapai berikutan dengan pembukaan rancangan tanah perajurit di Sungai Koyan, Pahang; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan rancangan seperti yang tersebut di negeri-negeri lain pada masa yang akan datang.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Saya sukacita menyatakan bahawa rancangan tanah khasnya bagi bekas-bekas perajurit di Sungai Koyan II telah berjalan dengan jayanya. Kesemua tempat yang disediakan di rancangan Sungai Koyan II yang dibuka pada tahun 1975 telah dapat dipenuhi sungguhpun pada mulanya 17 peserta daripada 260 telah keluar daripada rancangan tersebut. Kelapa sawit yang ditanam dalam rancangan ini telahpun mula mengeluarkan hasil. Dengan kejayaan rancangan Sungai Koyan II ini dan oleh kerana terdapat ramai lagi anggota tentera yang ingin menyertai rancangan tanah khas seperti ini maka Kementerian dengan kerjasama pihak FELDA dan Kerajaan Negeri Pahang telah membuka Rancangan Sungai Koyan III pada bulan Ogos, 1975 yang boleh menempatkan 210 orang lagi keluarga tentera. Dewasa ini 114 daripada tempat-tempat yang ada telah diisi.

(b) Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan dengan kerjasama FELDA sememangnya bercadang untuk mengadakan rancangan-rancangan tanah khas seperti ini di negeri-negeri lain pada masa yang akan datang tetapi persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan adalah diperlukan. Kementerian ini sudahpun menghubungi beberapa buah Kerajaan Negeri bagi tujuan ini. Di samping itu pula dua puluh peratus tempat di Rancangan-rancangan Tanah FELDA yang lain adalah terus diperuntukan kepada bekas-bekas perajurit.

TANAMAN/TERNAKAN DI MALAYSIA

12. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau bercadang hendak menetap dan meluluskan kawasan perusahaan setiap jenis tanaman dan ternakan di Malaysia supaya hasil-hasil keluaran perusahaan tersebut mendapat pasaran dan terkawal harganya agar menghasilkan pendapatan yang sesuai kepada petani-petani dan jika ya, bagaimanakah cara-caranya, dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang tanam-tanaman sudah ada kawasan-kawasan tertentu untuk jenis-jenis tanaman seperti padi, kelapa, koko dan nenas samada dirancang oleh Kementerian Pertanian ataupun ditanam tanaman-tanaman seperti itu telah menjadi tradisi. Selain daripada itu, Kementerian Pertanian ada mengelolakan projek pembangunan kawasan seperti di Johor Barat dengan tujuan, antara lain, untuk menyusun semula tanam-tanaman yang terdapat dalam kawasan projek itu. Projek seumpama itu sedang dirancang bagi Kelantan Utara. Di samping itu pula, sebuah Jawatankuasa Penyelarasan telah dibentuk untuk menyelaraskan usaha-usaha pertanian dalam rancangan-rancangan tanah FELDA, FELCRA, Belia-belia Peladang dan lain-lain lagi. Juga adalah menjadi rancangan Kementerian Pertanian untuk menjalankan kajian secara mendalam lagi bagi tiap-tiap Kawasan Kemajuan Peladang supaya dapat diadakan rancangan-rancangan dengan tujuan membangunkan kawasan-kawasan itu secara teratur. Dengan cara ini dan dengan kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, saya percaya bahawa tujuan yang terkandung dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu akan dapat dicapai. Dalam pada itu, inginlah saya menyatakan bahawa untuk menetapkan kawasan-kawasan tertentu bagi sesuatu jenis tanaman bukanlah perkara yang mudah oleh kerana banyak masalah-masalah yang perlu diteliti dan ditimbang seperti kesesuaian tanah, ekonomi ataupun tidak jenis tanaman itu, dan sikap sosial dan tradisi petani-petani di satu-satu tempat.

Dari segi ternakan pula, selain daripada ladang-ladang MAJUTERNAK dan sektor

pekebun-pekebun kecil yang menjadi tumpuan Kementerian Pertanian untuk menggalakkan usaha-usaha ternakan seperti ayam telur, ayam daging, lembu, kerbau dan lain-lain jenis ternakan. Kementerian Pertanian tidak bercadang hendak menetapkan kawasan-kawasan tertentu bagi sesuatu jenis perusahaan ternakan. Dalam pada itu, perusahaan-perusahaan seperti itu boleh dikatakan perusahaan-perusahaan tradisional di dalam negara kita ini dan telah membangun dengan sendirinya di kawasan-kawasan yang tertentu.

Pendek kata, dengan adanya rancangan Kementerian Pertanian hendak meneliti satu-satu Kawasan Kemajuan Peladang, menyelaraskan usaha badan-badan yang ada mengelolakan projek-projek tanaman dan ternakan serta kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, saya percaya perkara ini akan dapat diatasi meskipun secara beransur-ansur.

JAWATANKUASA SEMPADAN AM MALAYSIA/THAI

13. Tuan Lee Boon Peng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah hasil yang telah dicapai dalam perundingan Jawatankuasa Sempadan Malaysia/Thai yang diadakan baru-baru ini dalam kontek keselamatan dan penyeludupan yang berlaku di sempadan kedua buah negara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, dalam perundingan Jawatankuasa Sempadan Am Malaysia/Thai yang diadakan di Bangkok pada bulan Jun, 1975 pihak Thailand dan Malaysia bersetuju untuk mempertekadkan lagi kerjasama antara kedua negara menghadapi musuh sempadan. Pasukan-pasukan Keselamatan kedua negara telah ditugaskan supaya mengkaji rancangan gerakan bersama di kawasan sempadan bagi menghancurkan musuh bersama. Tetapi oleh sebab keadaan yang bergolak di negeri Thai, pihak Thai belum lagi dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada masaalah yang dihadapi itu. Kerjasama di antara kedua negara di dalam menentang penyeludupan melalui darat telah diperketatkan kawalan secara koordinasi. Sehingga ini berkaitan dengan penyeludupan (infiltrasi) boleh dikatakan berkurangan. Persetujuan juga telah

dicapai untuk mengkaji supaya kawalan rondaan bersama dibesarkan lagi bagi mengatasi masalah penyeludupan melalui laut. Implikasinya akan dikemukakan kepada Persidangan Jawatankuasa Sempadan Am yang akan datang untuk pengesahan.

MUSIUM NEGARA—PAMIRAN

14. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada Muzium Negara bercadang mengadakan suatu Bahagian Khas mempamerkan kejadian-kejadian bersejarah melambangkan duka nestapa rakyat Malaysia akibat peperangan, penjajahan dan keganasan komunis di waktu dharurat tahun 1948 supaya dengan adanya pameran seperti ini rakyat lebih memahami akan erti kebebasan dan kemerdekaan dan seterusnya dapat memupuk perasaan cintakan tanahair.

Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, perkara tersebut boleh ditimbangkan.

KENAIKAN PANGKAT DALAM POLIS DI RAJA MALAYSIA

15. Tuan Shamsuddin bin Din (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan asas yang akan diambil untuk mempertimbangkan kenaikan pangkat di dalam Polis di Raja Malaysia dari pangkat mata-mata hinggalah kepada Ketua Polis Negara, dan nyatakan samada ianya berasas kepada perkara-perkara berikut:

- (a) umur;
- (b) Kelayakan, pengalaman, kecerdasan, kebolehan;
- (c) keberanian;
- (d) taat setia, amanah; dan
- (e) jasa cemerlang.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan pangkat di dalam Pasukan Polis di-Raja Malaysia adalah berdasarkan kepada kebolehan, kelulusan dan pengalaman. Kebolehan kelayakan dan pengalaman adalah menjadi bahan pertimbangan utama di dalam menjalankan sesuatu kajian kenaikan pangkat pegawai-pegawai Polis. Begitu juga berkenaan dengan taat setia,

amanah dan jasa cemerlang diberi perhatian di dalam mentaksirkan lapuran tahunan seseorang pegawai.

Umur seseorang itu tidak menjadi ukuran bagi melayakkan pegawai untuk kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun seseorang pegawai itu didapati masih muda ataupun telah lanjut umur dia tetap mempunyai peluang yang sama untuk kenaikan pangkat.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa bilakah Polis di Raja di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan di Sarawak di integrasikan. Integrasi Polis di Raja di Malaysia, Sabah dan Sarawak sangat perlu oleh kerana keperluan untuk pegawai-pegawai di Sabah dan Sarawak dinaikkan pangkatnya di Semenanjung Malaysia pada masa sekarang tidak ada.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain daripada soalan asal.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi keterangan samada betul bahawa banyak pegawai-pegawai inteligen yang mendapat latihan tinggi di dalam Pasukan Polis telah memasuki sektor awam disebabkan tidak ada kenaikan pangkat?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini lain sedikit daripada soalan dan saya memerlukan notis.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu ada kaitannya dan dengan sebab itu saya benarkan. Tetapi soal berkehendakkan notis itu, bolehlah diberi notis.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada masa ini ramai di antara anggota-anggota Polis yang di bawah yang kurang kelayakannya tetapi telah bekerja dengan penuh dedikasi dan taat setia, kurang mendapat layanan dalam kenaikan pangkat kerana dipandang semata-mata qualificationnya sahaja.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal kenaikan pangkat ini ada Lembaganya. Bagi jawatan inspektor ke atas adalah di bawah Police Service Commission. Dan Inspektor ke bawah kepada Inspector-General mewakili Commission dan dari situ lah segala-galanya dikaji dan diberi pertimbangan.

PERDAGANGAN DARAH DI HOSPITAL-HOSPITAL

16. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang betapa seriusnya masalah perdagangan darah di semua hospital dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk mencegah perbuatan ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak. Tidak ada aduan rasmi yang telah saya terima mengenai betapa seriusnya masalah perdagangan darah di semua hospital. Jika sekalipun ada orang yang menjual darah, buat waktu itu kita tidak dapat mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka. Hanya dengan kerjasama orang ramai sendiri sahajalah kita dapat mengatasi masalah perdagangan darah ini. Selagi ada orang yang sanggup membeli darah, terutama sekali mereka yang mampu, maka perbuatan ini tidak akan dapat diatasi. Walau bagaimanapun Kementerian saya sentiasa mengingatkan orang ramai bahawa darah adalah diberi percuma kepada pesakit-pesakit yang memerlukan. Sementara itu saya sentiasa membuat rayuan supaya lebih ramai lagi orang tampil ke hadapan untuk mendermakan darah mereka. Diharapkan Ahli Yang Berhormat dapat membantu saya untuk memberitahu orang ramai bahawa darah yang diberi kepada pesakit-pesakit adalah percuma serta menyeru kepada mereka supaya memberikan juga darah secara sukarela. Pada tahun yang lepas, sehingga bulan September 1975, tabung darah telah menerima 28,085 pint darah-darah secara sukarela dan telah memberi 25,898 pint darah percuma kepada pesakit-pesakit yang memerlukan.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan, apakah tindakan yang akan diambil jikalau ada orang-orang didapati menjual darah di hospital?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu tidak payah jawab dahulu. Biar sampai ada. Biar sampai ke jambatan, baharu menyeberang.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang

Berhormat Menteri sedar bahawa kebanyakan hospital tidak dapat memberikan bantuan darah kepada pesakit-pesakit miskin kecuali darah itu telah diberi ataupun didermakan oleh keluarga mereka. Jika sekiranya ada keluarganya memberi darah, barulah pihak hospital memberi darah kepada pesakit.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, ini memanglah satu dasar bahawa Kementerian ini untuk menasihatkan rumah-rumah tangga yang berkenaan untuk memberikan derma darah kepada pesakit-pesakit yang masuk hospital dengan mengadakan pembedahan. Ini satu nasihat tetapi bukanlah paksaan. Sebenarnya orang awam sekarang telah cukup bekerjasama dengan pegawai-pegawai di bawah Kementerian saya dan mendermakan darah dengan cara sukarela.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi, pesakit yang keluarganya kurus-kurus tak payah bimbanglah.

MOTOKAR UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI ANGKATAN BERSENJATA

17. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah motokar-motokar yang telah dibeli oleh Kerajaan untuk pegawai-pegawai dalam Angkatan Bersenjata dan nyatakan taraf pegawai yang berhak menggunakan motokar-motokar itu dan juga tempoh kereta-kereta itu layak digunakan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kereta setaf yang disediakan untuk kegunaan pegawai-pegawai dalam Angkatan Tentera ialah 169 buah semuanya.

Pegawai-pegawai yang berhak mendapat kereta setaf peribadi adalah Ketua Turus Angkatan Tentera, Ketua-ketua Turus Tentera Darat, Laut dan Udara dan semua pegawai-pegawai yang berpangkat Brigadier Jenderal ke atas. Walau bagaimanapun memandangkan keperluan tugas, semua Pegawai-pegawai Pemerintah Battalion/Brigade dan Kor walaupun berpangkat lebih rendah dari Brigadier Jenderal adalah juga diberi kemudahan kereta setaf peribadi. Kereta-kereta itu hanya boleh digunakan untuk tugas-tugas rasmi sahaja.

Selain daripada kereta-kereta setaf peribadi ini di Kementerian Pertahanan terdapat juga sekumpulan kereta-kereta setaf yang boleh digunakan oleh mana-mana pegawai tentera yang lain dalam menjalankan tugas rasmi.

Tempoh sesebuah kereta setaf itu boleh digunakan adalah sebagaimana yang ternyata di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 20/1972 yang telah menetapkan bahawa sesebuah kereta setaf hendaklah dihapus kira atau diganti jika terdapat dua daripada tiga faktor berikut:

- (i) telah digunakan selama 6 tahun sekurang-kurangnya;
- (ii) telah berjalan sekurang-kurangnya sebanyak 100,000 batu;
- (iii) perbelanjaan yang diperlukan untuk membaiki kereta adalah lebih tinggi dari nilai kereta seperti yang dianggarkan.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Soalan tambahan. Tidakkah di antara motokar-motokar yang diberikan itu kedapatan motokar-motokar yang jenisnya kurang baik atau bermutu kurang layak dengan pemakaian oleh pegawai-pegawai dalam angkatan bersenjata yang dikehendaki menjalankan tugas dengan cepat dan cekap dan adakah Kerajaan berpuas hati dengan model-model motokar yang diberikan itu?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang mengikuti soalan apabila dikatakan kurang taraf dan sebagainya, kalau boleh tolong diberikan penjelasan lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Baling, cuba jelaskan apa yang dikatakan kurang taraf itu.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Tidakkah dikatakan motokar-motokar yang dibeli itu kedapatan motokar-motokar yang jenisnya kurang baik ataupun mutunya kurang layak dengan pemakaian oleh pegawai-pegawai dalam angkatan bersenjata yang dikehendaki menjalankan tugas dengan cepat dan cekap.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, kereta-kereta setaf yang kita sediakan untuk pegawai-pegawai yang disebutkan tadi adalah jenis Volvo dan

Mercedes Benz. Jadi kereta manakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, saya tidaklah dapat mengikutinya.

QOTA IMPOT BARANG-BARANG

18. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berdasarkan ke atas apakah seseorang pengimpot itu diberi qota untuk mengimpot barang-barang dan samada Menteri sedar bahawa ada banyak pemegang-pemegang qota bukan sebenarnya pedagang barang-barang bagi qota yang diberi;
- (b) samada barang-barang yang diimpot dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak di bawah sistem qota; dan
- (c) apa perlunya bagi pengimpot Sarawak mengimpot janakuasa dan barang-barang seumpama itu dari Semenanjung Malaysia terlebih dahulu mendapat Approval Permit (AP) sebelum dianya mengimpotkan barang-barang itu pada hal tidak ada pekilang setempat membuat jenis barang-barang seumpama itu yang hendak diperindungi di Sarawak.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat):

- (a) Peruntukan qota untuk mengimpot sesuatu jenis barang yang dikenakan sekatan qota adalah diberi kepada seseorang pengimpot berdasarkan kepada prestasi impot yang telah lepas (past import performance) seseorang pengimpot itu bagi barang-barang berkenaan. Untuk menentukan samada seseorang pengimpot tersebut layak memohon qota, ianya hendaklah mengemukakan butir-butir bertulis yang sah (evidence of documentary proof) mengenai jumlah pengimpotannya di tahun asas qota yang telah ditetapkan. Misalnya, jika tahun asas qota yang telah ditetapkan ialah jumlah pengimpotan seluruh tahun 1974, semua pengimpot-pengimpot yang dapat mengemukakan butir-butir sah mengenai jumlah pengimpotan mereka bagi tahun tersebut untuk barang itu adalah layak memohon qota. Selain dari itu peruntukan qota diberi kepada peniaga-peniaga bumiputra yang layak

dan baru mecebur dalam bidang perniagaan bagi mengalakkan mereka bergiat dalam perdagangan impot/eksepot.

Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa terdapatnya pemegang-pemegang qota sebenarnya bukan terdiri dari pedagang barang-barang qota yang diberi, sukalah saya tegaskan bahawa hanya pedagang-pedagang yang aktif sahaja yang layak memohon qota. Oleh kerana inilah maka hanya pengimpot-pengimpot yang dapat mengemukakan butir-butir impot yang sah sahaja yang diperitimbangkan peruntukan qota. Bagi peniaga-peniaga bumiputra pula Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hanya mempertimbangkan peruntukan qota tetap, setelah kajian mendalam dilakukan oleh Bahagian Penyertaan Bumiputra ke atas keupayaan mereka menjalankan perdagangan impot/eksepot ini.

- (b) Pada amnya barang-barang buatan Semenanjung Malaysia yang diimpot ke Sarawak tidak dikenakan sebarang sekatan impot kecuali beberapa jenis barang sahaja seperti rempah kari yang mana terdapat kilang-kilang mengeluarkannya di Sarawak. Sekatan impot ke atas impot rempah kari masuk ke Sarawak adalah semata-mata bertujuan untuk melindungi perusahaan rempah kari tempatan Sarawak dari tandingan impot daripada luar negeri.
- (c) Mengenai pengimpotan janakuasa dan barang-barang seumpamanya dari Semenanjung Malaysia, sukalah saya nyatakan bahawa pengimpot-pengimpot di Sarawak adalah dikehendaki mendapatkan lesen impot atau "Approval Permit (AP)" terlebih dahulu. Langkah ini telah diambil dengan tujuan untuk membolehkan Pejabat Kementerian Cawangan Sarawak mengawal pengimpotan janakuasa yang berasal dari luar negeri dan dieksepot kembali ke Sarawak supaya tidak akan melebihi jumlah qota yang telah ditetapkan di Sarawak. Walau bagaimanapun, bagi janakuasa yang dipasang di Semenanjung Malaysia lesen impot (AP) ada dikeluarkan secara bebas.

TABUNG MODAL BUMIPUTRA

19. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah wang yang telah terkumpul dalam modal Bumiputra dalam saham MARA semenjak rancangan itu dijalankan; dan
- (b) rancangan-rancangan yang telah dijalankan dengan menggunakan modal tersebut.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob) Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak dilancarkan Tabung Modal Bumiputra yang pertama pada 9hb April, 1968 dan tabung-tabung seterusnya sehingga sekarang ini, MARA, melalui Syarikat Amanah Saham MARA Bhd. telah berjaya mengumpul sebanyak \$68.3 juta.
- (b) Melalui Syarikat Amanah Saham MARA Bhd. modal yang dikutip itu telah digunakan bagi membeli saham syarikat-syarikat yang terpilih yang diniagakan dalam pasaran saham Kuala Lumpur.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam menyatakan peranan yang telah dijalankan oleh Kementerianya untuk menggalakkan rakyat bumiputra luar bandar membeli saham-saham yang telah ditambah oleh MARA dan juga hasil-hasil yang telah dicapai oleh bumiputra dalam penyata saham-saham melalui MARA.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Rakyat bumiputra telahpun digalakkan dan banyak sambutan yang telah diterima dan MARA akan jalankan galakan itu dari satu masa ke satu masa.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil atas saham itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuba sebutkan sekali lagi atas saham-saham ini—apa soalnya.

Tuan S. Samy Vellu: Apakah langkah Kerajaan telah ambil?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ambil atas apa?

Tuan S. Samy Vellu: Atas penjualan saham yang mana MARA selenggarakan sekarang kepada bumiputra.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jawapan Yang Berhormat Menteri tadi sudah jelas.

TANDA PERINGATAN (MEMORIAL) CZARIST DI PULAU PINANG

20. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan Negeri Russia telah mendapat kebenaran Kerajaan Malaysia untuk membina sebuah tanda peringatan di Pulau Pinang untuk mengenang pembunuhan kelasi-kelasi Czarist oleh Tentera Laut Jerman di luar pantai Pulau Pinang semasa Perang Dunia Pertama dan mengapa kebenaran Kerajaan diberi untuk pembinaan tanda peringatan seperti itu.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan Yang Berhormat ini Kerajaan Soviet telah mendapat kebenaran dari Kerajaan Malaysia untuk membina satu tugu peringatan di Pulau Pinang. Kebenaran telah diberikan oleh Kerajaan Malaysia sebagai tanda perasaan muhibbah dan kehormatan kepada hasrat Kerajaan Soviet bagi mengenangkan kematian kelasi-kelasi Russia di-masa Perang Dunia Pertama.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah.

(*Soalan No. 21 Y.B. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah tidak hadir.*)

RUMAH-RUMAH HARGA MURAH

22. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan amaun wang yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk pembinaan rumah-rumah berharga murah untuk rakyat miskin. Sila nyatakan amaun yang diperuntukan untuk setiap Negeri dan bilangan yunit rumah-rumah yang dijangka akan dibina untuk setiap Negeri.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemasukan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Rancangan Malaysia Ketiga akan dibentangkan dalam persidangan Palimen pada bulan Julai tahun ini dan sebaik sahaja Parlimen memberi kelulusan butir-butir yang berkenaan akan diumumkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Edmund Langgu anak Saga.

(Soalan No. 23 Y.B. Tuan Edmund Langgu anak Saga tidak hadir.)

CUKAI PENDAPATAN

24. Tuan Ja'afar bin Hamzah minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) jumlah cukai pendapatan yang belum dipungut sehingga akhir tahun 1975 daripada:

(i) orang perseorangan;

(ii) Syarikat-syarikat atau ladang-ladang;

(b) langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan untuk menentukan bahawa cukai pendapatan dibayar dengan sempurna.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jumlah tunggakan cukai pendapatan pada 31hb Disember, 1975 ialah \$868.45 juta yang mengandungi \$364.25 juta dari orang-orang-perseorangan, \$491.74 juta dari syarikat-syarikat dan \$12.46 juta daripada kumpulan-kumpulan orang yang lain.

Saya ingin menjelaskan bahawa tunggakan-tunggakan yang dimaksudkan adalah berkait dengan taksiran-taksiran yang telah dibuat pada tahun-tahun yang terdahulunya termasuklah tahun 1975. Tunggakan-tunggakan ini adalah disebabkan oleh taksiran-taksiran yang lambat yang dibuat pada suku tahun yang akhir yang mana kebanyakannya belum tiba masanya untuk dibayar pada 31hb Disember 1975, dan juga bayaran cukai yang ditangguhkan oleh kerana pertelingkahan dalam taksiran, kes-kes yang mana bayaran secara ansur yang telah diluluskan, dan kes-kes di bawah guaman sivil bagi

mendapatkan cukai itu. Sebahagian daripada tunggakan itu akan mungkin kesudahannya dilepaskan apabila pertelingkahan telah diselesaikan.

(b) Semua tunggakan cukai adalah sentiasa di bawah kajian dan tindakan terutamanya adalah dengan cara surat-menyurat, guaman sivil, tahanan harta-aleh dan tak-aleh, saman si berhutang hukuman, notis hukuman, penyelesaian hutang-piutang, notis kebengkarapan dan rayuan sipiutang. Kakitangan-kakitangan cawangan pungutan telah baru-baru ini ditambah bagi mempercepatkan lagi tindakan-tindakan tuntutan cukai. Walau bagaimanapun kita mestilah memahami bahawa memandangkan betapa kompleksnya pentadbiran dan pungutan cukai pendapatan kita tidaklah boleh mengharapkan supaya semua cukai yang telah ditaksir pada satu-satu tahun taksiran itu dapat dipungut seratus-peratus.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sedar bahawa Jabatan Cukai Pendapatan cukup tangkas mengutip cukai dari pembayar-pembayar kecil tetapi ada sebilangan individu dan tuan-tuanpunya syarikat telah mengelakkan pembayaran cukai selama beberapa tahun. Dalam keadaan yang sedemikian mengapakah pejabat yang berkenaan tidak bertindak tegas terhadap mereka yang melakukan kesalahan itu.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah diadukan itu memang Kementerian saya sedar dan segala tindakan yang saya nyatakan satu-satu tadi sedang diambil.

PENGGANAS KOMINIS DARI THAILAND

25. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang kemasukan pengganas-pengganas kominis dari Thailand ke negara kita semakin merbahaya sekarang, dan jika ya, apakah rancangan-rancangan beliau bagi mengawasi kemaraan kominis tersebut.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang bahaya keselamatan akibat kemasukan

pengganas-pengganas komunis menerusi sempadan Malaysia/Thai. Segala langkah yang perlu telah diambil dan sedang diambil dan kedudukan keselamatan di sepanjang kawasan ini adalah terkawal.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawapan Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21, 23 dan No. 26 hingga 46 adalah diberi di bawah ini).

PENGHIJRAHAN WARGANEGARA MALAYSIA

21. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Hj. Panglima Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan warganegara Malaysia yang telah diberi kelulusan berhijrah ke negara lain sejak 1974 hingga sekarang dan apakah negara-negara itu;
- (b) samada benar bahawa mereka itu terdiri dari hartawan-hartawan bukan bumiputra yang membawa banyak harta bersama mereka;
- (c) sebabnya mereka berhijrah ke negara lain; adakah mereka tidak puashati tentang Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran kita atau adakah sebab-sebab yang lain; dan
- (d) adakah orang-orang Malaysia yang telah dibenarkan berhijrah ke negara lain masih lagi memegang kewarganegaraan Malaysia; jika ya, apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Warganegara Malaysia tidak perlu mendapat kelulusan untuk berhijrah ke negeri lain. Oleh yang demikian pihak Kerajaan tidak ada keterangan-keterangan yang lengkap mengenai orang-orang yang telah berhijrah ke negeri-negeri lain.

LADA HITAM DI SARAWAK

23. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pertanian menyatakan samada Kementerian beliau bersedia memberi lebih lagi wang terhadap sekim bantuan lada hitam di

Sarawak daripada apa yang telah dilakukan pada tahun lepas.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Ya, jika peruntukan yang di minta dalam Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan.

KEMASUKAN NEGARA JIRAN DALAM ASEAN

26. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) samada Sekretariat ASEAN telah menerima kemasukan lain-lain negara jiran ASEAN, jika ya, nyatakan bilangan negara serta namanya; dan
- (b) samada ASEAN sendiri membuat sebarang pelawaan kepada negara-negara itu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj):

- (a) ASEAN tidak ada menerima permohonan untuk menjadi ahli dalam pertubuhan itu dari negara-negara lain di rantau Asia Tenggara.
- (b) Negara-negara anggota ASEAN telah menyatakan bahawa mereka bersedia berusaha memupuk persahabatan dan kerjasama dengan negara-negara lain di rantau Asia Tenggara ini untuk faedah bersama.

TEMBAKAU BUATAN ROKOK MALAYSIA

27. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa peratuskah tembakau-tembakau keluaran tempatan yang digunakan oleh syarikat-syarikat pembuat rokok Malaysia dan adakah beliau bercadang untuk menggesa pengilang-pengilang rokok Malaysia menggunakan sepenuhnya tembakau keluaran tempatan dalam pengeluaran mereka.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Peratus penggunaan tembakau-tembakau keluaran tempatan oleh syarikat-syarikat pembuat rokok Malaysia adalah bertambah dari setahun ke setahun. Dalam tahun 1975 peratus penggunaannya ialah kira-kira 55% berbanding dengan hanya 24.1% dalam tahun 1970. Penggunaan

tembakau tempatan adalah bergantung kepada jenis-jenis (brand) rokok yang dikeluarkan. Pada masa ini terdapat setengah-setengah jenis rokok yang menggunakan 100% tembakau tempatan dan ada pula jenis-jenis yang menggunakan 50% atau lebih lagi tembakau yang diimport di dalam rokok bergantung kepada keperluan menjaga citarasa (taste) serta campuran (blending) jenis-jenis rokok itu. Walau bagaimanapun memandangkan pengguna-pengguna masih lebih memerlukan jenis-jenis rokok yang menggunakan lebih banyak tembakau yang diimport maka pada keseluruhannya peratus tembakau tempatan yang digunakan masih tidak tinggi.

Penggunaan sepenuhnya tembakau keluaran tempatan oleh syarikat-syarikat pembuat rokok Malaysia adalah bergantung kepada citarasa (taste) pengguna-pengguna rokok itu sendiri. Perubahan citarasa memerlukan masa. Oleh itu penggunaan sepenuhnya tembakau keluaran tempatan tidak dapat dijalankan dengan sertamerta. Walau bagaimanapun sukalah saya nyatakan bahawa syarikat-syarikat pembuat rokok telah menerima dan bersetuju dengan asas keperluan menambah penggunaan tembakau tempatan beransur-ansur dari setahun ke setahun, berasas kepada perkembangan bekalan gred-gred tembakau tempatan yang sesuai dan perubahan citarasa pengguna-pengguna rokok sendiri.

NASIHAT/PANDANGAN LUAR MENGENAI KES UNDANG- UNDANG NEGARA

28. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Undang-undang menyatakan adakah sebarang pihak luar diminta nasihat dan pandangan mengenai sesuatu kes atau masalah undang-undang dalam negara kita. Jika ada sila butirkan satu persatu kes-kes yang berkenaan.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Adalah menjadi amalan biasa bagi mana-mana peguam untuk mendapatkan pendapat yang kedua. Yang demikian tidak ada apa-apa pun yang pelik untuk mendapatkan pendapat yang kedua di dalam hal-hal yang amat mustahak. Pendapat-pendapat pernah didapati oleh Kerajaan pada masa-masa yang lalu di

dalam kes-kes yang bukan sahaja melibatkan perkara-perkara yang sukar mengenai undang-undang dan perlembagaan yang amat mustahak bahkan juga kes-kes yang melibatkan kepentingan orang ramai. Sebagai contoh, pendapat yang kedua telah diperoleh di dalam kes-kes cukai pendapatan di mana amaun cukai yang kena dibayar kepada Kerajaan berjumlah berjuta-juta ringgit dan mengikut keadaannya kes-kes itu sendiri sungguh rumit dan unik oleh kerana banyak masalah dari segi teknik.

Pendapat-pendapat yang kedua ada juga diminta dari peguam yang terkemuka di England dalam kes-kes di mana mengikut keadaannya ada kemungkinan yang rayuan-rayuan akan dibuat kepada Privy Council. Kes-kes ini adalah kes-kes mengenai kebebasan rakyat, pembahagian kuasa-kuasa antara Kerajaan-kerajaan Persekutuan dengan Negeri dan perkara-perkara perkhidmatan mengenai kakitangan awam. Tidak ada perkara yang pelik tentang perundingan di segi undang-undang untuk mendapatkan pendapat yang kedua atas apa-apa jua perkara oleh kerana ini adalah juga amalan biasa dalam apa-apa juga profesyen lain. Jurutera ada perunding mereka, doktor ada perunding perubatan, ahli ekonomi ada perunding ekonomi mereka sendiri dan demikian juga dengan peguam yang mempunyai pakar mereka sendiri.

HOSPITAL BESAR IPOH

29. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar Wad 9 di Hospital Besar Ipoh penuh sesak dengan katil-katil dan pesakit-pesakit di wad berkenaan tidak diberi kain selimut; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Ya, Wad 9 di Hospital Besar, Ipoh adalah wad pembedahan Kelas 3 yang mempunyai 60 buah katil resmi. Ada masanya wad ini terlalu penuh dan terpaksa ditambah dengan katil-katil sementara. Bilangan katil tambahan itu ada kalanya meningkat ke sebanyak 25 buah katil. Ada kemungkinan setengah-setengah daripada pesakit yang masuk lewat pada waktu malam tidak dapat diberikan selimut kerana telah kehabisan bekalan. Saya telah mengarahkan

supaya disimpan lebih kain selimut di dalam wad tersebut untuk kegunaan di masa kecemasan. Keadaan seumpama ini tidak akan berlaku apabila siap hospital baru kelak.

LETRIK DI SEKOLAH-SEKOLAH SUNGAI BESI

30. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa Sekolah Kebangsaan Sungai Besi, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Kong Hon Sungai Besi dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Sungai Besi tidak mempunyai bekalan letrik sejak 10 tahun yang lalu dan jika ya, nyatakan samada Kementerian beliau akan mengarah Pejabat Pelajaran Selangor mendapatkan bekalan letrik kepada ketiga-tiga buah sekolah yang tersebut.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Ya, saya sedar. Permohonan bagi mendapatkan bekalan letrik untuk ketiga-tiga sekolah itu akan dipertimbangkan bersama-sama dengan permohonan-permohonan yang lain dari semua negeri berdasarkan keutamaan dan peruntukan yang diluluskan.

HOSPITAL DAERAH KENINGAU BAGI PESAKIT TIBI

31. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada Kementerian beliau ada sebarang rancangan untuk membina sebuah hospital yang lain di Keningau untuk pesakit-pesakit Batuk Kering dan adakah beliau sedar bahawa pesakit-pesakit Batuk Kering dan yang bukan pesakit-pesakit Batuk Kering dirawat di dalam hospital yang sama walaupun di wad-wad yang berasingan; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa ini adalah merbahaya dari segi kesihatan.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Hospital Daerah, Keningau pada masa ini mempunyai satu wad yang mengandungi 44 buah katil bagi pesakit-pesakit Tibi. Tidak ada apa-apa cadangan untuk mendirikan satu hospital

yang khas untuk pesakit-pesakit Tibi samada di Keningau ataupun di tempat-tempat lain di negeri Sabah. Ini adalah selaras dengan konsep moden bagi mengubat pesakit-pesakit Tibi. Telah diketahui menerusi kajian epidemiology bahawa tidak perlu diadakan hospital-hospital khas bagi pesakit-pesakit Tibi seperti yang telah dibuat pada masa yang dahulu.

- (b) Pesakit-pesakit Tibi yang menerima rawatan yang kerap adalah tidak merbahaya kepada masyarakat ataupun kepada pesakit-pesakit yang lain di dalam hospital yang sama. Telahpun dipastikan bahawa pesakit-pesakit Tibi boleh dirawat dengan jayanya di rumah mereka dengan tidak membawa bahaya kepada keluarga dan masyarakat di sekelilingnya.

L.P.N.—LESEN PEMBORONG-PEMBORONG

32. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan kaum Bumiputra dan Bukan Bumiputra yang telah dikeluarkan lesen-lesen pemborong beras yang diluluskan oleh pihak L.P.N. dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk menambah bilangan pemborong-pemborong beras Bumiputra di negeri ini.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Bilangan lesen pemborong beras yang telah dikeluarkan kepada Bumiputra dan Bukan Bumiputra sehingga 15-3-1976 ialah:

<i>Bumiputra</i>		<i>Bukan Bumiputra</i>
809	...	746

Sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru, Bumiputra adalah digalakkan mengambil bahagian yang lebih aktif dalam bidang ini. Menyentuh tentang pemborong-pemborong beras ini, permohonan-permohonan bagi menjadi pemborong beras sentiasa diterima dan dikaji. Sekiranya pemohon-pemohon itu layak dan memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan, mereka akan diberi lesen.

JAMBATAN SUNGAI APIN-APIN

33. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan:

- (a) samada Kementerian beliau bercadang memberi keutamaan tinggi kepada pembinaan jambatan di Sungai Apin-Apin, Sabah di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketiga; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa dalam bulan Disember 1975 seorang pekerja J.K.R. Keningau hampir kehilangan nyawanya semasa menyeberangi Sungai Apin-Apin apabila keretanya di bawa arus dan musnah sama sekali dan juga dua kejadian yang serupa di Sungai Tikolod dalam bulan Disember 1975.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-Kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):

- (a) Ya, Kerajaan Negeri Sabah telah memasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga projek pembinaan Jambatan Menyeberangi Sungai Apin-Apin. Pada masa sekarang rekabentuk jambatan sedang dijalankan oleh J.K.R. Sabah dan dijangka projek ini akan siap keseluruhannya menjelang akhir 1978.
- (b) Ya, saya telah difahamkan mengenai kejadian-kejadian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan oleh sebab kejadian-kejadian kemalangan seperti itulah maka Kerajaan Sabah telah memberikan keutamaan untuk menggantikan titian-titian yang rendah dengan jambatan-jambatan yang lebih tinggi. Jambatan-jambatan seperti ini sekarang telah dibina di Sungai Tikolod dan Sungai Mansulurong dan jalan-jalan yang menghala ke-jambatan-jambatan juga sedang diperbaiki sekarang.

HOSPITAL DI SUNGAI SIPUT UTARA

34. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) Bilakah Hospital di Sungai Siput (U) itu akan dibina kerana Kerajaan telah menyuarkan perkara ini sejak tahun 1964; dan

- (b) samada Kerajaan akan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan yang di-untukkan di Hospital-hospital Daerah supaya pesakit-pesakit yang sangat teruk keadaannya atau yang sangat merbahaya keadaannya tidak terpaksa dikejarkan ke Hospital-hospital Besar atau Hospital-hospital yang terdapat kemudahan-kemudahan yang lebih baik pada saat yang akhir.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Cadangan untuk pembinaan hospital di Sungai Siput Utara telah dimasukkan oleh Kementerian saya untuk diper-timbangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Ahli Yang Berhormat telah maklum bahawa Rancangan Malaysia Ketiga masih lagi dalam penyediaan dan akan dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini pada bulan Julai.

Saya ingin menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya sedar betapa mustahaknya sebuah hospital dibina di Sungai Siput Utara untuk memberi perkhidmatan yang luas kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan tersebut. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Kementerian saya telah memberikan ke-utamaan yang tinggi kepada daerah-daerah pendalaman di Pantai Timur Semenanjung Malaysia di mana tidak ada kemudahan-kemudahan hospital dan hospital yang berhampiran ter-letak sejauh kira-kira 50 batu.

- (b) Kementerian saya telahpun mengambil tindakan dan akan terus memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan yang di-adakan di Hospital-hospital Daerah. Pada ketika ini, 12 daripada 46 buah Hospital Daerah telahpun diadakan dengan 3 jurusan bidang kepakaran yang besar; iaitu Perubatan, Pem-bedahan dan Perbidanan dan Sakit-puan. Dengan adanya bidang ke-pakaran yang seumpama itu, pesakit-pesakit yang memerlukan perhatian dan rawatan Pakar-pakar tersebut tidaklah payah lagi dikejarkan ke Hospital-hospital Besar atau lain-lain hospital yang berhampiran. Walau bagaimanapun bagi kes-kes dalam bidang kepakaran yang lain yang hanya ada didapati setengah-setengah hospital besar yang ada kepakaran tersebut,

terpaksalah pesakit-pesakit itu dihantar ke hospital tersebut. Ini hanya dilakukan apabila keadaan pesakit mengizinkan.

WAKIL PENGEDAR/PENJUAL BUMIPUTRA

35. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan :

- (a) samada beliau sedar bahawa terdapat hanya sebilangan yang kecil wakil-wakil pengedar dan penjual Bumiputra, dan jika sedar, adakah beliau bercadang hendak menambahkan bilangan Wakil-wakil Bumiputra; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa ada empat buah negeri yang diumumkan oleh Perdana Menteri sebagai mundur dalam lapangan perindustrian, dan jika sedar, apakah rancangan-rancangan yang ada pada Kementerian berkaitan dengan hal ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):

- (a) Saya sedar bahawa pada keseluruhannya jika dipandang dari segi jumlah kesemua jenis barang-barang yang diedarkan dalam negara ini, bilangan pengedar-pengedar Bumiputra masih sedikit tetapi bagi beberapa jenis barang pula bilangan pengedar Bumiputra telah bertambah dari masa ke semasa.

Tindakan-tindakan akan diambil oleh Kementerian saya bagi :

- (i) Menentukan bahawa pengedar-pengedar yang telah dilantik sekarang ini kekal menjadi pengedar dan mengendalikan lebih banyak lagi barang-barang dari segi kuantiti dan jenis barang.
- (ii) Menggalakkan pengusaha-pengusaha Bumiputra mengedar lain-lain jenis barang selain dari jenis barang yang diedarkan oleh ramai pengedar-pengedar Bumiputra yang sedia ada.
- (b) Saya sedar mengenai kedudukan pembangunan perindustrian di setiap negeri dan perhatian khusus telah diberikan kepada negeri-negeri yang mundur

dalam lapangan perindustrian itu. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyelerakkan projek-projek perindustrian ke kawasan-kawasan yang kurang maju di negara ini.

Bagi negeri-negeri yang kurang maju, Kementerian saya telah mengadakan "Galakan Tempat Kedudukan" untuk menggalakkan penyelerakkan industri-industri ke kawasan tersebut. Sesuatu syarikat yang diluluskan menempatkan kilangnya di dalam kawasan yang diisytiharkan oleh Kerajaan sebagai kawasan Galakan Tempat Kedudukan akan dibenarkan untuk pengecualian cukai maksima sehingga 10 tahun. Kawasan-kawasan yang kini telah diisytiharkan itu adalah meliputi negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Perlis, Kedah kecuali Daerah Kuala Muda, Pahang kecuali Daerah Kuantan, Sabah, Sarawak dan juga kawasan Johor Tenggara.

L.K.P.P. telahpun mengambil daya utama ke arah pencepatan kemajuan perindustrian di negeri-negeri yang kurang maju iaitu dengan cara mendirikan Pejabat-pejabat Wilayah di setiap negeri tersebut. Sehingga kini, L.K.P.P. telah menubuhkan Pejabat-pejabat Wilayah di negeri-negeri Kelantan, Kedah, Sabah, Sarawak, Pahang dan Perak. Pejabat-pejabat Wilayah ini, yang bergiat di peringkat dasar adalah dijangka akan mempergiat aktiviti-aktiviti dan minat penduduk di kawasan mereka masing-masing untuk penyertaan di dalam pembangunan perindustrian.

Kerajaan Pusat juga telah menyediakan pinjaman khas kepada negeri-negeri kurang maju untuk membiayai pembangunan projek-projek perindustrian dan kawasan-kawasan perindustrian di negeri-negeri tersebut.

JURURAWAT MALAYSIA DI HOSPITAL-HOSPITAL BRITAIN

36. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan jururawat-jururawat Malaysia yang bekerja di Hospital-hospital di Britain supaya kembali berkhidmat di Malaysia.

Tan Sri Lee Siok Yew: Usaha untuk menggalakkan jururawat-jururawat Malaysia yang bekerja di hospital-hospital di Britain supaya kembali berkhidmat di Malaysia

sebenarnya telahpun bermula semenjak tahun 1971 lagi. Kementerian saya pernah mengiklankan kekosongan jawatan jururawat di Kementerian Kesihatan di akhbar-akhbar di Britain pada tahun 1971. Pada tahun 1972 pula seorang Pegawai Kementerian telah dihantar berjumpa dengan jururawat-jururawat Malaysia di hospital-hospital di Britain untuk memberi penerangan mengenai perkhidmatan jururawat di Malaysia dengan tujuan untuk menggalakkan atau menarik minat mereka kembali berkhidmat di tanah-air.

Di samping itu juga, Kementerian saya telah mengeluarkan risalah-risalah mengandungi maklumat-maklumat mengenai perkhidmatan jururawat di Malaysia seperti panduan cara-cara memohon, kemudahan-kemudahan yang ditawarkan serta syarat-syarat perkhidmatan. Risalah-risalah ini telah dihantar kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom dan kepada Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia di London untuk disebar kepada jururawat-jururawat Malaysia di sana.

Selain dari itu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah menurunkan Kuasa Khas kepada Kementerian saya bagi melantik jururawat terlatih sementara dan juga kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom bagi melantik Jururawat Terlatih, Tetap dan Kontrek. Penurunan Kuasa Khas ini telah mempercepat dan memudahkan urusan perlantikan jururawat-jururawat dari Britain atau luar negeri dan seterusnya membolehkan mereka bertugas selepas sahaja mereka tiba di tanahair.

Satu lagi langkah utama yang telah diambil oleh Kementerian saya ialah dengan memberikan pelonggaran terhadap syarat-syarat kelayakan akademik tetapi tidak kelayakan ikhtisas dan teknik, bagi perlantikan sebagai Jururawat. Mengikut Sekim Perkhidmatan Jururawat Terlatih, pemohon-pemohon, antara lain, dikehendaki lulus S.P.M./M.C.E. atau kelulusan yang setaraf dengannya serta memenuhi syarat kelayakan Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun bagi Jururawat-jururawat dari Britain atau dari luar negeri, syarat kelayakan akademik itu telah dikecualikan. Walau bagaimanapun bagi lantikan tetap, mereka dikehendaki memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Syarat-syarat perkhidmatan yang diberikan adalah sama dengan syarat-syarat perkhidmatan yang dinikmati oleh Jururawat-jururawat kelulusan Sekolah Latihan Jururawat di Malaysia. Walau bagaimanapun, pengalaman mereka sebagai Jururawat Terlatih sebelum mereka bekerja di Kementerian ini adalah diambil kira untuk hadiah kenaikan gaji.

Sukacita saya memberitahu Yang Berhormat bahawa semenjak tahun 1971 Kementerian saya telah menerima sebanyak 947 pertanyaan dari Jururawat-jururawat di Britain. Seramai 413 orang telah ditawarkan jawatan.

PASUKAN POLIS DI RAJA MALAYSIA—PENGAMBILAN KAKITANGAN

37. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada pengambilan kakitangan-kakitangan untuk perkembangan pasukan keselamatan akan dibuat mengikut dasar berbilang kaum supaya dapat memberi peluang kareer yang sama serta mengelakkan tuduhan-tuduhan penindasan kaum semasa gerakan-gerakan keselamatan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pengambilan untuk berkhidmat ke dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mempunyai syarat-syarat perkhidmatan yang telah ditentukan.

TENAGA LETRIK UNTUK PERINDUSTRIAN/ RUMAH—PEMBEKALAN

38. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan rancangan-rancangan yang Kementerian beliau ada untuk menentukan bekalan kuasa yang cukup untuk kegunaan perindustrian dan rumah-rumah dan samada kadar perkembangan pembekalan kuasa ini cukup pesat untuk menampung tempoh perusahaan yang diduga dan juga untuk membekalkan tenaga letrik kepada penduduk-penduduk di seluruh negara.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Kerajaan memang ada rancangan bekalan tenaga berjangka panjang untuk menampung keperluan pertumbuhan perindustrian dan perumahan yang dijangka bertambah di dalam

tempoh tahun-tahun yang akan datang. Di antara rancangan-rancangan tersebut ialah:

- (a) Stesyen Janakuasa Tunku Jaafar Port Dickson:

Satu Yunit 120 MW sekarang ini sedang dalam percubaan, sementara 2 yunit yang sama dijangka akan dijalankan masing-masing dalam bulan Julai dan Disember 1976.

- (b) Stesyen Janakuasa Prai:

Pembinaan tapak sedang diselenggarakan untuk pemasangan 3 yunit 120 MW. Yunit yang pertama dijangka akan dimulakan pada bulan Mei/Jun 1979, yang kedua pada bulan November 1979 dan yang ketiga pada September 1980.

- (c) Stesyen Janakuasa Temenggor:

Satu stesyen haidro yang besar sedang dibina di Temenggor dan apabila siap akan mengeluarkan tenaga 350 MW.

- (d) Stesyen Janakuasa Pasir Gudang:

Jurutera Perunding telah dilantik untuk mengkaji peringkat pertama pembinaan stesyen Janakuasa di Pasir Gudang. Jentera yang pertama akan terdiri dari 2 yunit 120 MW. Yunit-yunit tambahan juga akan dijalankan bergantung kepada keperluan tenaga di kawasan tersebut.

- (e) Stesyen Haidro Tembeling:

Kajian kemungkinan stesyen haidro ini telah siap. Pada masa sekarang perundingan sedang dijalankan dengan pihak berkuasa Russia untuk pelaksanaan projek tersebut. Stesyen Kuasa ini akan mengeluarkan tenaga 110 MW.

- (f) Stesyen Haidro Kuala Trengganu:

Kajian kemungkinan sedang dijalankan oleh Snowy Mountain Engineering Group dan adalah dijangka stesyen ini akan mengeluarkan tenaga 400 MW bila dijalankan sepenuhnya kelak yang mana terdiri dari 4 yunit 100 MW. Dua yunit yang mula-mula dijangka akan dijalankan pada 1983.

- (g) Stesyen Janakuasa Pelabuhan Kelang:

Satu tapak telah dipilih untuk perkembangan Stesyen Kuasa di Port Kelang. Stesyen ini di peringkat awalnya akan mempunyai 4 jentera yang

mengeluarkan tenaga di antara 250 MW hingga 300 MW tiap-tiap satu. Adalah dijangka yunit yang pertama akan dijalankan pada 1984.

Rancangan perluasan kemudahan-kemudahan penjana kuasa adalah didasarkan kepada kadar pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan rancangan perkembangan ini akan dikaji dan dipinda untuk pembangunan-pembangunan selepas tahun 1980. Rancangan ini akan memberi jaminan bahawa semua permintaan terhadap tenaga oleh industri-industri akan dipenuhi. Walau bagaimanapun industri-industri pula di samping itu perlu juga memberitahu kepada Lembaga Letrik Negara dalam peringkat perancangan mereka tentang keperluan tenaga yang dikehendaki dan tidak semata-mata menunggu sehingga ianya siap sedia untuk menggunakan tenaga sahaja.

LEBUHRAYA PAPAR KE SINDUMIN

39. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan:

- (a) bilakah kerja-kerja pembinaan atas lebuhraya Papar/Sindumin akan dimulakan;
- (b) samada lebuhraya Sabah/Sarawak termasuk dalam Rancangan Malaysia Ketiga, dan jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan.
- (c) berapa panjang lebuhraya yang meliputi seluruh negeri Sabah yang akan disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga; dan
- (d) samada perkhidmatan feri Menumbok/Labuan termasuk dalam Rancangan Malaysia Ketiga, dan jika ya, bila akan dimulakan perkhidmatannya.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:

- (a) Lebuhraya dari Papar ke Sindumin akan dimulakan pembinaannya pada awal tahun 1977.
- (b) Setakat ini belum ada lagi rancangan untuk membina lebuhraya Sabah/Sarawak.

- (c) Sebahagian besar dari jumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk jalanraya di Sabah ialah untuk kerja-kerja pembaikan dan menaikkan taraf jalan-jalan yang ada sekarang dan sebahagian kecil yang lain untuk pembinaan jalan-jalan baru. Jumlah batu jalan yang dianggarkan akan dinaikkan tarafnya ialah 304 batu sementara pembinaan jalan-jalan baru pula lebih kurang 98 batu.
- (d) Dukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Sabah telah tidak memasukkan perkhidmatan feri di antara Menumbok/Labuan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

PEMOHON-PEMOHON LATIHAN JURURAWAT

40. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) pertimbangan yang tepat bagi pemohon-pemohon yang berjaya untuk menjalani Latihan Jururawat mengikut kaum di dalam negeri ini;
- (b) kelayakan-kelayakan yang diperlukan dari seseorang pemohon untuk menjalani latihan ini; dan
- (c) samada benar bahawa jururawat-jururawat yang mendapat latihan di luar negeri tiada dibenarkan untuk mendapatkan peluang-peluang naik pangkat sekiranya mereka gagal Bahasa Malaysia di peringkat M.C.E.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Bilangan calon-calon yang berjaya dipilih untuk menjalani latihan jururawat di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1965 hingga 1975 mengikut keturunan adalah seperti berikut:

		<i>Melayu</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>
1965	...	31	123	20	2
1966	...	47	292	43	5
1967	...	86	144	18	6
1968	...	32	93	15	3
1969	...	89	201	25	—
1970	...	288	10	1	—
1971	...	401	11	—	—
1972	...	473	52	10	1
1973	...	644	79	14	2
1974	...	620	84	19	2
1975	...	544	90	27	4
Jumlah	...	3,255	1,179	192	25

- (b) Kelayakan yang dikehendaki bagi pemohon untuk menjalani latihan jururawat di Malaysia ialah:

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Umur tidak lebih daripada 24 tahun;
- (iii) Mempunyai S.P.M. atau M.C.E. dengan mendapat kelulusan dalam Bahasa Malaysia;
- (iv) Bujang.

- (c) Satu daripada syarat-syarat bagi jururawat layak untuk kenaikan pangkat ialah ia hendaklah berjawatan tetap. Jururawat-jururawat dilatih di seberang laut yang tidak mempunyai kelulusan dalam Bahasa Malaysia di peringkat S.P.M./M.C.E. adalah dilantik berdasarkan sementara atau kontrak. Dengan yang demikian mereka tidak layak bagi kenaikan pangkat sehingga mereka lulus Bahasa Malaysia dan dilantik ke jawatan tetap. Kebetulan untuk latihan sebagai jururawat, calon-calon itu hendaklah mempunyai kelulusan dalam Bahasa Malaysia di peringkat S.P.M./M.C.E., tetapi bagi mereka yang telah sedia terlatih dari seberang laut, syarat Bahasa ini telah dilonggarkan untuk jawatan sementara atau kontrak sahaja.

COGANKATA PARTI-PARTI POLITIK

41. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar pemimpin-pemimpin UMNO, MCA dan MIC selalu meneriakkan cogankata-cogankata yang berbau perkauman seperti "Melayu bersatu di bawah UMNO", "China bersatu di bawah MCA" dan "India bersatu di bawah MIC"—jika ya, nyatakan mengapa beliau tidak mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya terhadap mereka kerana teriakkan cogankata-cogankata boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat kita.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Saya sedar yang pemimpin-pemimpin UMNO, MCA dan MIC selalu meneriakkan cogankata-cogankata sebagaimana yang tersebut, saya berpendapat, dengan meneriak cogankata-cogankata seumpama itu, tidaklah akan memecahbelahkan perpaduan rakyat, kerana sungguhpun pemimpin-pemimpin parti-parti itu menyeru

supaya ahli parti masing-masing itu bersatu padu, mereka juga menyeru supaya ketiga-tiga parti itu bersatupadu dan mereka tidak pun pernah menyeru kepada rakyat yang berbilang bangsa supaya berpecahbelah. Oleh yang demikian, saya berpendapat perbuatan itu tidaklah boleh dianggapkan suatu perbuatan yang boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat kita, atau mendatangkan perasaan permusuhan antara kaum. Oleh yang demikian, perbuatan mereka itu tidaklah menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang.

LEMBAGA PERPADUAN NEGARA— KELENDAR 1976

42. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kelendar 1976 telah dicap oleh Lembaga Perpaduan Negara dan berapakah perbelanjaannya dan kepada siapakah telah diedarkan;
- (b) samada gambar-gambar yang terdapat dalam kelendar itu, pada fikiran Kerajaan, boleh mengukuhkan perpaduan rakyat di negara kita, terutama sekali gambar pada bulan Februari, 1976, yang sangat menyayat hati orang-orang Melayu dan Islam di negara kita; tidakkah ada gambar lain yang boleh dikeluarkan; dan
- (c) apakah tujuan Lembaga ini mengeluarkan kelendar bersendirian dan bagaimanakah Perbendaharaan boleh memberi kelulusan (a) di atas.

Perdana Menteri:

- (a) Jumlah kelendar 1976 yang dikeluarkan oleh Lembaga Perpaduan Negara ialah 5,000 (lima ribu) naskah dengan perbelanjaan sebanyak \$9,341. Kelendar itu diedarkan, antaranya, kepada Ahli-ahli Parlimen, Ketua-ketua Jabatan, Perwakilan-perwakilan Asing di Kedutaan Malaysia di Luar Negeri, Dewan-dewan Perniagaan dan Pertubuhan-pertubuhan Sukarela, Hotel-hotel, Bank-bank dan Syarikat-syarikat Swasta serta orang-orang perseorangan.

- (b) Samada gambar-gambar yang terdapat dalam kelendar itu dapat mengukuhkan perpaduan rakyat adalah merupakan soal pendapat yang tidak boleh diukur jawapannya. Tetapi apa yang lebih penting ialah kelendar itu bertujuan mengenalkan jenis-jenis perayaan dari berbagai kaum di samping mencatatkan tarikh bila perayaan-perayaan itu diadakan. Gambar-gambar yang terdapat di kelendar itu merupakan lambang atau perkara-perkara yang ada hubungannya baik secara langsung atau tidak langsung dengan hari-hari perayaan yang berkenaan.

Menyentuh soal gambar yang terdapat pada bulan Februari kelendar itu, adalah dikesali yang gambar itu telah menimbulkan sedikit salahfaham di kalangan sebahagian kecil orang Melayu. Bagaimanapun, setelah menyedari hakikat ini, pihak Lembaga Perpaduan Negara telah mengambil tindakan segera untuk menggantikan gambar yang menjadi kontroversial itu dengan gambar lain sebelum kelendar itu diedarkan kepada orang ramai. Barangkali kelendar yang diterima oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah kelendar yang belum dipinda.

- (c) Tujuan utama Lembaga Perpaduan Negara mengeluarkan Kelendar Perpaduan ini ialah untuk membolehkan masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbagai kaum mengenali dengan lebih dekat lagi mengenai hari-hari perayaan atau kebesaran sesuatu kaum di negara ini. Oleh itu kelendar ini merupakan satu-satunya bentuk Kelendar Perpaduan yang ulung kerana ia mengandungi sebahagian besar dari hari-hari dan tarikh-tarikh perayaan dari kebanyakan kaum di negara ini.

Berkenaan dengan soalan bagaimana pihak Perbendaharaan meluluskan pengeluaran kelendar ini, suka saya memaklumkan bahawa Perbendaharaan telah memberi kuasa kepada Lembaga Perpaduan Negara atas budi bicaranya untuk menggunakan wang dari Tabung Amanah Muhibbah Negara bagi menjalankan sebarang projek yang dianggap boleh menggalakkan perpaduan negara dan muhibbah antara berbagai kaum di negara ini.

BANGUNAN MAHKAMAH BUKIT MERTAJAM

43. Tuan Tan Cheng Bee bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau sedar bahawa:

- (a) disebabkan terlalu bising bunyi lalu-lintas kenderaan di jalanraya di sebelah Bangunan Mahkamah di Bukit Mertajam ada kemungkinan yang keadilan dan kehakiman yang teratur tidak dapat dilaksanakan dengan saksama oleh Pegawai-pegawai Keadilan dan Mahkamah;
- (b) keadaan yang sangat tidak memuaskan sekarang di Bangunan Mahkamah itu menjejaskan kecekapan dan kelicinan keadaan pekerjaan kakitangan di Mahkamah itu; dan
- (c) adakah beliau sedar bahawa Bangunan Mahkamah itu telah berumur lebih dari 60 tahun, dan sudah tibalah masanya bagi bangunan yang sedemikian tua diruntuhkan dan sebuah bangunan baru dibina di tempatnya. Sekiranya beliau sedar, dapatkah beliau memberitahu Dewan ini bilakah bangunan baru dapat dibina di tempatnya yang lebih sesuai untuk perjalanan keadilan yang teratur dilaksanakan dan juga bagi kakitangan bekerja di dalam keadaan yang lebih baik dan selesa.

Perdana Menteri: Kerajaan memang sedar tentang keadaan mahkamah Bukit Mertajam seperti yang dinyatakan dalam soalan-soalan (a), (b) dan (c). Usaha-usaha telahpun dijalankan sejak beberapa tahun yang lalu untuk mencari tapak yang sesuai bagi membina mahkamah baru di Bukit Mertajam dan projek itu telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Beberapa tahun dahulu ada suatu rancangan untuk membina suatu kompleks Pejabat Daerah Baru bersama-sama pejabat-pejabat lain termasuk Mahkamah dan pelan-pelannya telahpun disediakan. Walau bagaimanapun, rancangan tersebut telah ditangguhkan oleh pihak yang berkenaan dan usaha-usaha untuk mencari tapak tanah yang sesuai di Bukit Mertajam juga telah tidak berhasil.

Jabatan Kehakiman kemudian merancang pembinaan sebuah Mahkamah baru di kawasan Perindustrian Bagan Serai tetapi setelah dikaji perkara itu secara mendalam rancangan itu telah ditangguhkan.

Pada masa ini Jabatan Kehakiman sedang giat berusaha untuk menghawadindingkan Mahkamah di Bukit Mertajam itu dengan tujuan mengurangkan bising dan mengujudkan keadaan bekerja yang lebih selesa sementara usaha-usaha diteruskan untuk mencari tapak yang sesuai.

TABUNG EKONOMI ISLAM

44. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang yang telah dikumpul oleh Tabung Ekonomi Islam dan projek-projek yang telah dijalankan, dan samada suatu Jawatankuasa akan dibentuk untuk meliputi Negeri-negeri yang mengambil bahagian.

Perdana Menteri: Jumlah orang yang telahikutip menerusi Jabatan Halehwal Ugama Islam di Negeri-negeri seluruh Malaysia untuk Tabung Ekonomi Islam setakat hari ini adalah \$661,461.12. Maka daripada jumlah ini sebanyak \$323,244.23 telah dapat dikumpulkan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia dan bakinya masih lagi belum diserahkan oleh pihak Jabatan Ugama Islam Negeri-negeri.

Untuk tujuan melancarkan Tabung Ekonomi Islam Malaysia ini, maka sebuah Yayasan yang bernama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia telah dibentuk hasil keputusan Majlis Kebangsaan Bagi Halehwal Ugama Islam Malaysia. Tiap-tiap negeri adalah mempunyai seorang wakil di dalam Majlis ini melainkan Kedah dan Pahang. Oleh yang demikian pihak negeri-negeri bolehlah mengemukakan apa-apa syor atau cadangan-cadangan yang positif dalam Persidangan-persidangan Majlis Kebangsaan Bagi Halehwal Ugama Islam Malaysia untuk kemajuang perjalanan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia ini.

Buat masa ini belum ada lagi projek yang dapat dijalankan kerana semua wang belum terkumpul. Projek-projek akan dijalankan sebaik sahaja wang-wang kutipan menerusi Jabatan Ugama Islam Negeri-negeri diserahkan kepada Pemegang Amanah Yayasan ini untuk mentadbirkannya.

LAWATAN AHLI-AHLI PARLIMEN KE NEGARA ASEAN

45. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Perdana Menteri menyata bahawa untuk melanjutkan perhubungan antara negara-negara ASEAN, samada Kerajaan bercadang menganjurkan lawatan Ahli-ahli Parlimen Malaysia ke negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Filipina, Singapore dan Thailand.

Perdana Menteri: Satu daripada resolusi-resolusi yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen negara-negara ASEAN di akhir Persidangannya di Kuala Lumpur dalam bulan Ogos, 1975 ialah:

“Menggalakkan negara-negara ahli bermupuk persahabatan dan kerjasama yang rapat melalui pertukaran lawatan di antara ahli-ahli Parlimen.”

Kerajaan adalah menyokong tujuan resolusi ini.

PERANCANG KELUARGA

46. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah kejayaan rancangan-rancangan keluarga negara dijalankan di negara ini semenjak rancangan itu dimulakan beberapa tahun yang lalu.

Perdana Menteri: Kejayaan atau kesan program perancangan keluarga tidak mungkin dapat diketahui dengan jelasnya dalam masa yang singkat. Namun demikian, semenjak program Kerajaan dimulakan dengan penubuhan Lembaga Perancang Keluarga Negara dan bersempena dengan pelancaran Rancangan Malaysia Pertama ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa program ini memang mencapai kejayaan kalau didasarkan kepada matalamat yang ditetapkan. Tujuan atau matalamat jangka panjang bagi program ini ialah mengurangkan kadar pertumbuhan penduduk dari 3 peratus dari tahun 1966 kepada 2 peratus menjelang tahun 1985.

Hasil dari kegiatan penerangan yang terus menerus untuk mendorong kelin-kelamin supaya menerima program ini dan mengamalkan perancangan keluarga dan juga hasil dari perkhidmatan-perkhidmatan yang dijalankan oleh agensi yang terlibat, adalah didapati bahawa lebih kurang satu pertiga

(1/3) dari wanita yang bersuami dan yang masih subur dalam negeri ini ada mengamalkan perancangan keluarga; kebanyakan mereka ialah yang tinggal di bandar-bandar. Menjelang akhir tahun 1974, perangkaan menunjukkan kadar pertumbuhan penduduk di negeri kita telah menurun kepada 2.6 peratus, dan pada akhir tahun 1975, ada lebih dari setengah juta orang yang mengamalkan perancangan keluarga. Adalah dianggarkan juga bahawa sebanyak 200,000 pengandungan bayi telah dapat dielakkan.

Memandangkan kepada perangkaan-perangkaan yang saya sebutkan tadi, program perancangan keluarga negara ini adalah berjaya dan saya merasa yakin bahawa matalamat atau tujuan mengurangkan kadar pertumbuhan penduduk kepada 2 peratus menjelang tahun 1985 akan tercapai.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat.” (2hb April, 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Majlis ini ditangguhkan pada hari Jumaat yang lalu, Ahli Yang Berhormat dari Griik sedang memulakan ucapannya. Sekarang saya jemput untuk meneruskan ucapannya.

3.36 ptg.

Tuan Shamsuddin bin Din (Grik): Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung ucapan saya menyokong di atas usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dahulu di sini saya ingin menyentuh beberapa aspek di atas Titah Ucapan Di Raja tempoh hari. Sungguhpun Titah Ucapan Di Raja itu pendek tetapi padat dan tegas dan menyentuh berbagai-bagai segi dan sudut untuk kebaikan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa negara kita di dalam keadaan terkawal dan dikawal oleh pasukan-pasukan keselamatan yang bertugas siang dan malam tanpa menghiraukan hujan dan panas. Ini tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menyenangkan dan menjamin keadaan keselamatan negara tetapi saya rasa hanya kita mementingkan keadaan-keadaan kawalan itu sahaja tidak mencukupi, apa yang perlu ialah kemudahan-kemudahan dan pembangunan-pembangunan yang pesat hendaklah diadakan di seluruh kampung di luar bandar. Saya berpendapat kekuatan tentera ataupun kekuatan pasukan keselamatan hendaklah diseimbangkan dengan pembangunan-pembangunan yang pesat untuk kepentingan rakyat jelata. Dalam masaalah ini ada lagi kampung-kampung yang masih bercorak lama yang masih berada di dalam keadaan-keadaan yang kurang baik yang belum mendapat kemudahan-kemudahan yang sepenuhnya. Saya rasa ini adalah perlu terutamanya bagi pihak Kementerian untuk menyedari hakikat ini supaya segala kemudahan-kemudahan ini dapat diatasi daripada satu masa ke satu masa.

Di atas hal ini, saya rasa ada empat cara kerjasama yang perlu dijalankan. Yang pertamanya kerjasama di antara rakyat dengan pegawai Kerajaan, rakyat dengan pasukan keselamatan dan pegawai-pegawai Kerajaan dengan Kementerian-kementerian kerana kalau hanya rakyat, pegawai Kerajaan dan pasukan keselamatan sahaja yang memberikan kerjasama sedangkan usaha-usaha dibuat oleh pegawai-pegawai Kerajaan tetapi segala peruntukan tidak dapat diselenggarakan oleh pihak Kementerian maka sudah tentulah segala rancangan-rancangan ini juga gagal. Dengan sebab itu perlulah sebagaimana yang saya katakan tadi di atas empat golongan ini mestilah mempunyai kerjasama yang secukupnya. Kerjasama pegawai-pegawai Kerajaan itu sendiri

mengadakan daya usaha untuk kepentingan rakyat dan kalau kekurangan-kekurangan wang anggaran maka perlulah diminta kepada pihak Kementerian dan Kementerian hendaklah bertimbangrasi di atas apa yang telah diusahakan oleh pegawai-pegawai Kerajaan ini. Ini adalah satu cara yang baik bagi membolehkan pihak-pihak yang berkenaan menjalankan pentadbiran untuk kepentingan rakyat bersama.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di atas Titah Ucapan Di Raja berkenaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan mestilah menentukan rancangan-rancangan supaya rancangan-rancangan itu dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang ada di dalam, Titah Ucapan, pegawai-pegawai pula mestilah menentukan perlaksanaan rancangan-rancangan untuk mencapai matlamat. Di dalam masaalah ini saya tidak mengatakan semua pegawai itu baik dan juga saya tidak mengatakan semua pegawai tidak mempunyai tanggungjawab, tetapi apa yang saya rasa ada juga di antara pegawai-pegawai itu yang tidak bertanggungjawab Tuan Yang di-Pertua, bila saya sebut pegawai-pegawai di sini, saya tidak menentukan mana-mana satu pegawai samada pegawai daripada Pegawai Daerah, Pegawai Pertanian, Pegawai Perikanan dan pegawai-pegawai yang rendah sekalipun, tetapi apa yang saya sebutkan di sini ialah semuanya pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Jadi ada di antara pegawai-pegawai ini yang boleh dikatakan tidak mahu langsung melawat ke kampung-kampung untuk mengambil tahu hal rakyat jelata. Kalau keadaan keadaan pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab ini, ditempatkan di sebelah-sebelah kawasan yang bersempadan maka sudah tentulah apa yang berlaku kepada rakyat yang di sebelah sini. Ini adalah penting untuk menjaga kebaikan dan kemajuan bagi satu-satu kampung itu dan bertanggunglah kepada pegawai-pegawai yang mentadbirkannya itu. Apa yang perlu bagi saya untuk mengesyorkan kepada pihak Kerajaan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bagi pegawai-pegawai yang baru diambil oleh pihak Kementerian ataupun pihak Jabatan-jabatan, saya rasa satu latihan tatatertib hendaklah diberikan kepada pegawai-pegawai ini supaya pegawai-pegawai ini dapat menjalankan latihan selama empat bulan. Kalau boleh kita hantar ke Dusun Tua dahulu lepas itu baru diberikan dalam

latihan INTAN selama dua minggu untuk latihan pentadbiran. Saya rasa dengan adanya latihan-latihan ini pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab atau pegawai-pegawai muda yang baru keluar daripada universiti atau daripada mana-mana pengajian tinggi akan merasai diri mereka itu bertanggungjawab. Inilah yang dikehendaki. Kalau semuanya pegawai dapat bertanggungjawab dan dihantarkan bertugas di kawasan-kawasan sempadan dan kawasan-kawasan yang terpencil maka saya rasa sudah tentulah segala rancangan-rancangan Kerajaan akan dapat dilaksanakan dengan jaya dan baik, dan dalam masalah ini juga dapatlah kita sama-sama menghindarkan pengaruh-pengaruh dan anasir-anasir jahat.

Saya menyentuh dalam segi peperangan rakyat. Di dalam memperkatakan peperangan menentang kominis hari ini adalah peperangan rakyat. Maka sudah sewajarnya bagi pihak Kerajaan memberi segala bahan-bahan ataupun menerangkan segala bahan-bahan yang boleh mempengaruhi, yang boleh mendatangkan kepercayaan rakyat kepada pihak Kerajaan dan menjauhkan segala pengaruh-pengaruh yang tidak baik. Jadi di atas usaha-usaha ini, saya rasa yang boleh menjalankan ialah Jabatan Penerangan kerana Jabatan Penerangan pada pendapat saya adalah satu badan yang menyatabungkan di antara rakyat dengan Kerajaan dan Jabatan ini juga boleh memberi penerangan dengan sejelas-jelasnya apakah kehendak-kehendak rakyat. Di sini tentulah orang mengatakan pihak Kementerian kita ada menyediakan rancangan Radio dan TV. Ini juga perlu. Tetapi apa yang saya tahu daripada selidikan dan daripada apa yang saya dapat di kampung-kampung, bila saya pergi di sana saya pernah bertanya tidak pernahkah tenguk TV? Jawab mereka, kami ini kawasan luar bandar seperti di daerah Ulu Perak sepuluh buah kampung satu peti TV pun payah hendak jumpa. Jadi bagaimana kami hendak menengok peti TV. Jadi sudah tentulah segala penerangan yang disalurkan menerusi peti TV tidak dapat disampaikan sebagaimana yang dikehendaki. Saya bertanya pula adakah pernah dengar radio? Dia kata radio ada. Boleh dikatakan tiap-tiap dua buah rumah ada satu radio kecil. Bila ditanya apakah rancangan yang didengar. Dia kata, kami dengar rancangan hiburan, nyanyian,

lawak jenaka, berbalas pantun, sandiwara radio daripada Kuala Lumpur. Tetapi bila ditanya tentang syarahan-syarahan yang memberi faedah adakah mereka dengar, jawabnya, kami tidak dengar. Apa sebabnya. Sebab yang bercakap itu daripada Kuala Lumpur yang kami dengar di sini. Kalau orang Kuala Lumpur datang tolong buat apa yang kami buat di sini maka sudah tentulah orang Kuala Lumpur tidak dapat buat. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilaung-laungkan di dalam radio dan TV tidak memberi keuntungan kepada rakyat terutamanya di kampung-kampung yang terpencil. Apa yang mereka kehendaki ialah cara penerangan yang diri sendiri untuk menghadapi rakyat. Mereka berpendapat begini. Kalau orang atau pegawai berani memberi penerangan berhadapan dengan kami walaupun keadaan kawasan kami ini satu kawasan yang sensitive maka orang ini berani dan kami sedia mengikut. Ini keadaannya. Jadi apa yang perlu di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya memperkuatkan lagi dan mengadakan pembaharuan di dalam rancangan Jabatan Penerangan Malaysia ini untuk melancarkan penerangan-penerangan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Seterusnya bagi menjalankan dakyah-dakyah ataupun menjalankan penerangan-penerangan untuk menentang segala dakyah-dakyah yang dibawa oleh anasir-anasir jahat. Apa yang kita tahu tugas dalam Jabatan Penerangan hari ini kalau kita kaji daripada dharurat tahun 1948 dahulu sehingga tamatnya dharurat, kita dapati Jabatan Penerangan adalah satu Jabatan yang juga menjalankan tugas-tugas bagi kepentingan rakyat bersama sehingga dapat kominis-kominis ini dihapuskan pada masa dahulu bersama dengan Pasukan-pasukan Keselamatan. Tetapi sejak akhir-akhir ini Jabatan Penerangan ini seolah-olahnya di-biarkan hanya pihak Kementerian mendewadewakan siaran TV dan radio. Jadi dalam masalah ini juga saya dapati ada di antara pegawai-pegawai telahpun merungut mengatakan kerja kami mengikut F.G.O.—saya pun tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, F.G.O. ini kalau tidak silap saya Financial General Orders. Sedangkan tugas mengikut Financial General Orders tetapi bayaran elaun mengikut keputusan daripada Pengarah atau Kementerian kerana kewangan tidak

cukup. Apa yang saya tahu elau-elau mereka telah dipotong dan dibayar hanya tidak lebih \$100 pada tiap-tiap bulan sedangkan tugas di sempadan mesti dijalankan, tugas untuk menentang segala ancaman jahat mesti dijalankan dan tugas mesti berjalan terus. Ini juga menimbulkan satu masalah kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas berhadapan dengan rakyat. Di sini saya berseru kepada Kementerian yang berkenaan supaya menitikberatkan pegawai-pegawai ini agar menjadi satu badan yang boleh menghubungkan di antara rakyat dengan Kerajaan yang sebenar-benarnya.

3.50 ptg.

Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul menyembahkan ucapan tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan di samping itu suka saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan sulung saya sebagai Ahli yang terbaru di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi kawasan pilihanraya Pekan yang telah menaruh kepercayaan penuh kepada saya untuk menggantikan tempat yang telah dikosongkan oleh Allahyarham ayahanda saya. Seharusnya saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnianya, saya telah berjaya menang tanpa bertanding sepertimana ayahanda saya dalam tahun 1974 dahulu. Sesungguhnya peristiwa ini amatlah penting dan besar maknanya bagi dari saya kerana dalam suasana sedih setelah berpulangnya kerahmatullah ayahanda saya dengan kehendak Allah, saya dapati diri saya berada diambang arena politik. Bukanlah semulanya cita-cita saya hendak mewarisi peranan politik ayahanda saya, tetapi mengenangkan jasa bakti yang telah dicurahkan kepada negara sepanjang hayatnya saya sebagai anaknya yang sulung menganggap adalah tanggungjawab saya menyambung khidmat Allahyarham selagi ada kemampuan serta kepercayaan terhadap diri saya yang masih mentah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa harapan rakyat khasnya penduduk-penduduk di kawasan Pekan sangatlah tinggi terhadap kesanggupan saya untuk memperjuangkan

nasib masa hadapan mereka itu. Sebagai mana kita sedia maklum kawasan pilihanraya Pekan yang saya wakili itu adalah satu kawasan yang amat besar dan luas. Meskipun sebahagian darinya telah dibuka pada keseluruhannya kawasan itu masih ketinggalan di bidang pembangunan. Dengan kebetulannya kawasan pilihanraya saya ini mengandungi kawasan Pahang Tenggara yang ditadbirkan oleh Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), satu projek pembangunan wilayah yang terbesar di Semenanjung Malaysia hari ini. Luas kawasan ini ialah lebih kurang 4,000 batu persegi dan dari jumlah 2.5 juta ekar tanah lebih kurang 1.5 juta ekar didapati sesuai untuk kemajuan pertanian. Semenjak DARA mulai bergerak 3 tahun dahulu banyak kemajuan yang telah dicapai menuju matlamat pembangunan kawasan itu termasuk kemudahan asas (infrastructure). Jalanraya daripada Kuantan ke Segamat yang melalui kawasan Pahang Tenggara sedang dalam pembinaan dan ini akan memesatkan lagi kemajuan di dalam kawasan ini. Sementara itu DARA telah menubuhkan beberapa projek-projek usaha sama dengan perbadanan awam dan pihak swasta untuk memajukan kawasan ini. Buat masa ini 10 buah syarikat usaha sama telah ditubuhkan iaitu projek-projek pertanian seperti perkebun teh, kelapa sawit dan getah, ternakan lembu untuk susu dan daging, perusahaan perkayuan dan pembalakan, projek-projek perlombongan dan pengeluaran batu permata. Selain dari Felda, Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (R.R.I.) dan MARDI turut serta secara aktif memajukan sektor pertanian. Begitu juga LUTH yang mengusahakan ladang kelapa sawitnya disamping Felda yang telah diuntukkan kawasan lebih kurang 241,000 ekar. Saya berharap agensi-agensi Kerajaan tersebut akan benar-benar memainkan peranan mereka untuk meninggikan taraf ekonomi dan sosial penduduk-penduduk di kawasan ini sesuai dengan objektif Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga diberitahu kawasan Pahang Tenggara ini mempunyai potensi yang besar sebagai kawasan perlancongan. Tempat-tempat yang menarik seperti Tasek Chini dan juga kawasan perlancongan yang boleh menyamai dengan Yellowstone National Park di United States.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan wilayah seperti yang dijalankan di kawasan Pahang Tenggara ini adalah penting dalam

bidang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru khususnya mengenai perkembangan pusat-pusat pertumbuhan ataupun (new growth centres). Pada lazimnya kawasan-kawasan yang sudah maju pasti akan bertambah maju hasil dari pembukaan usaha-usaha ekonomi dan sosial yang menarik pelabur baru ke kawasan tersebut. Sedangkan kawasan seperti Pahang Tenggara yang kurang mempunyai infrastructure akan turut tinggal di belakang. Saya berharap pembangunan wilayah seperti DARA sebagai satu strategi Dasar Ekonomi Baru kita akan menarik pihak swasta untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan ekonomi modern. Peranan sektor swasta amat penting bagi mencapai matlamat-matlamat Kerajaan dan untuk mencapai hasil yang sungguh berkesan di kawasan Pahang Tenggara ini. Saya berharap semua agensi Kerajaan yang diamanahkan untuk memajukan kawasan ini akan menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi demi kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar segala usaha-usaha pembangunan di situ hendaklah diusahakan dengan cara yang akan mendatangkan sebanyak-banyak faedah untuk membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat. Sumber-sumber alam dan kekayaan hasil bumi hendaklah dibahagikan secara adil untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi rakyat. Pada hemat saya strategi pembangunan kawasan Pahang Tenggara merupakan satu cabaran perancangan dan pengurusan yang besar bagi pihak yang bertanggungjawab dalam perlaksanaannya. Cabaran ini memerlukan idea-idea baru untuk mengukuhkan keyakinan orang ramai terhadap objektif-objektif ekonomi negara. Perhatian besar hendaklah ditumpukan kepada perimbangan langkah dalam mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru supaya menjamin ketenteraman dan kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan pembangunan wilayah seperti di kawasan Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah adalah peninggalan ayahanda saya kepada rakyat dan saya ingin impiannya itu benar-benar menjadi kenyataan. Sebagai Wakil Rakyat kawasan itu saya akan memberi sepenuh perhatian dan menumpukan segala tenaga dan kemampuan saya untuk kejayaan kawasan Pahang Tenggara ini. Saya juga berharap rancangan pembangunan

wilayah di tempat-tempat lain akan berjaya sepenuhnya dan setiap rakyat akan dapat merasa nikmat kebahagiaan dan kemakmuran yang dialami mereka. Tidak syak lagi inilah sebaik-baik langkah bagi kita mengekalkan ketenteraman dan keharmonian di Malaysia tanpa dipengaruhi untuk sebarang perubahan politik yang berlaku di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soal keselamatan pada hemat saya kesan-kesan perubahan politik di Indo-China pada negara kita tidaklah seburuk yang dikatakan oleh setengah-setengah orang. Saya penuh yakin kegiatan anasir-anasir sabversif dan pengganas-pengganas komunis dalam negeri akan dapat dibendung oleh Kerajaan dengan kerjasama rakyat.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *memperergusikan Mesyuarat*)

Begitu juga segala kegiatan di bidang politik, ekonomi, kebudayaan dan sosial hendaklah ditimbang dari segi keselamatan. Dengan itu keutuhan negara tetap dapat dipertahankan dan perpaduan tetap dipelihara, meskipun Parti Komunis Malaya cuba mengeksploit kemenangan komunis di Indo-China. Harus saya yakin tipu helah mereka hanya sia-sia. Bagaimanapun kita harus sentiasa waspada dan berdiri teguh di belakang Kerajaan. Adalah jelas semangat atau moral rakyat tetap tinggi dan kukuh tidak terpengaruh oleh apa yang berlaku di Indo-China. Oleh kerana pembangunan negara berjalan terus dengan pesat meskipun dalam keadaan recession dan inflation dua tahun yang lalu.

Semenjak terbentuknya Barisan Nasional pertikaian politik antara parti-parti telah jatuh berkurangan dan Kerajaan dapat menumpukan tenaga dan membulatkan fikiran-nya kepada usaha-usaha pembangunan. Tetapi masa depan masih penuh dengan cabaran dengan di hadapan kita masih penuh dengan dugaan. Berkat perpaduan rakyat persefahaman yang kukuh antara rakyat dan semangat wajar Pasukan Keselamatan setiap ancaman pengganas komunis dan anasir antinasional akan dapat kita patahkan. Di samping itu dasar luar negara kita berseesuaian dengan perjuangan rakyat di seluruh dunia untuk menegakkan keamanan dan perdamaian Malaysia adalah sebahagian daripada keluarga negara-negara non-align yang tidak termasuk di dalam mana-mana golongan kuasa dunia. Nama kita di dalam

keluarga antara bangsa sentiasa harum dan kemerdekaan serta kedaulatan kita sentiasa dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Wakil jenerasi muda, saya amat berbangga dengan proses pembangunan negeri dan kemajuan yang telah dicapai setakat ini. Jenerasi muda mempunyai cita-cita tinggi terhadap negara dan rakyat. Dalam usaha kita menuju cita-cita murni ini setengah-setengah golongan belia tidak bersabar dan gelisah melihat keadaan yang tidak begitu menyenangkan dan dalam keadaan gelisah itu mungkin bertindak menurut rasa hati yang terkeluar dari landasan tata susila keturunan kita. Tidak sesiapa yang boleh nafikan jenerasi muda dapat menikmati hasil yang diperjuangkan oleh jenerasi yang terlebih dahulu. Sesungguhnya jenerasi muda terutang budi yang tidak terhingga kepada pejuang-pejuang kemerdekaan dan adalah menjadi kewajiban kita yang mewarisi pusaka itu untuk mengisi dan memperkukuh kemerdekaan, mempertahankan kedaulatan itu dengan pengorbanan tenaga dan fikiran.

Dalam hubungan ini kita memerlukan panduan dan bimbingan dari mereka yang telah terlebih dahulu merasa garam. Kita memerlukan tunjukajar, dari pengalaman dan kebijaksanaan mereka itu. Dengan segala rendah diri jenerasi muda berbakti kepada negara untuk mencapai aspirasi dan cita-cita rakyat. Bagi diri saya sendiri saya merasakan benar-benar bahawa tanggungan yang baru saya terima itu menjadi kewajiban hidup yang amat penting. Oleh itu, saya akan cuba menunaikan kewajiban saya ini untuk kepentingan rakyat khususnya pengundi-pengundi saya. Saya akan cuba dengan sedaya-upaya dan kemampuan memenuhi harapan mereka yang berkehendakkan kemajuan dan taraf hidup yang sempurna. Saya percaya dengan kerjasama, bimbingan dan tunjukajar serta bantuan dari orang-orang lain yang telah lama berkecimpung dalam arena politik negara, saya akan dapat menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab saya yang utama itu dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka pula juga mengambil peluang di Dewan yang mulia petang ini merakamkan bagi pihak bonda dan adik-adik saya setinggi penghargaan atas penghormatan dan rasa kasih sayang yang telah diberikan semasa upacara pengkebumian Allahyarham Ayahanda saya oleh

Kerajaan dan rakyat jelata serta ucapan-ucapan takziah yang telah datang dari segenap lapisan rakyat dan juga dari pemimpin-pemimpin Kerajaan luar negeri. Saya sendiri telah menghadiri sidang khas kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang telah diadakan untuk merakamkan perasaan dukacita serta ucapan takziah atas kembalinya ke rahmatullah Ayahanda saya. Sesungguhnya saya berasa sangat terharu dengan kata-kata pujian serta penghargaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Allahyarham ayahanda saya itu sebagai mengenang jasa bakti dan penghormatan kepada negara. Saya juga suka merakamkan bagi pihak bonda dan adik-adik saya setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan atas beberapa kemudahan yang diberikan kepada kami sekalian dan hanya Allah akan membalasnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka lah melafazkan ikrar saya di Dewan yang mulia ini bahawa selagi ada hayat dan kemampuan saya akan sentiasa berkhidmat kepada rakyat dan negara, menjalankan segala tanggungjawab dan kewajiban dengan ikhlas, jujur dan penuh didikasi. Sebagai Wakil Rakyat yang termuda sekali, saya sangat memerlukan panduan dan bimbingan dan saya suka lah mengalu-alukan tunjukajar dari Ahli-ahli Dewan yang mempunyai banyak pengalaman. Saya penuh yakin dengan panduan dan kerjasama semua pihak, saya akan dapat menghadapi sebarang cabaran dan dugaan dalam penghidupan saya di masa akan datang. (*Tepuk*).

4.08 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyokong Usul menjunjung kasih Kebawah Duli atas Titah Ucapan Baginda. Saya rasa Titah Ucapan ini yang mengandungi segala dasar Kerajaan kita disambut dengan baiknya oleh segenap lapisan rakyat oleh kerana dasar-dasar ini sesuai dengan apa yang telah dijanjikan waktu Barisan Nasional menghadapi rakyat jelata meminta sokongan mereka. Dan saya suka menegaskan juga bahawa segala dasar-dasar ini sama sebagaimana yang telah diatur dan telah dipimpin oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. Pendeknya, dasar-dasar Kerajaan kita pada hari ini ialah dasar-dasar yang sama yang selari yang tidak berbeza daripada segala

dasar-dasar yang telah ditentukan di bawah pimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu.

Pada hari ini oleh sebab terhadnya masa saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan juga pihak Kerajaan kepada satu masaalah yang penting yang sudah di-suarakan dalam suratkhbar iaitu soal kedudukan umat Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai. Oleh kerana Pulau Pinang pada waktu kemerdekaan pada tahun 1957 ialah sebuah negeri jajahan takluk British, kami tidak beraja seperti umat Melayu yang lain di Semenanjung Tanah Melayu. Kami tidak mendapat perlindungan sebagaimana orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini. Kami tidak ada Tanah-tanah Simpanan (reserve) di mana kami boleh jadikan kampung halaman. Kami tidak ada scholarship istimewa juga tidak ada hak-hak atau layanan-layanan yang istimewa. Dengan latar belakang itu kalau dimasukkan pula hakikatnya maka di negeri Pulau Pinanglah tertumpunya orang-orang yang berasal daripada luar yang mendirikan kota untuk berniaga dan berdagang.

Pendeknya keadaan di mana umat Melayu di Pulau Pinang itu menjadi minority atau menjadi bilangan yang kecil, dengan ini dapat kita bayangkan bagaimana buruknya nasib umat Melayu di sana. Mereka yang asalnya memilik dan mempunyai tanah-tanah yang memang diwarisi oleh mereka daripada datuk-nenek mereka turun-temurun di tengah-tengah bandar beransur-ansur sedikit demi sedikit diusir, ditolak sehinggakan jalan yang dinamakan Jalan Melayu atau Malay Street barangkali tidak dapat satu keratpun orang Melayu di situ. Jikalau kita pergi di beberapa tempat seperti yang tercatat dalam sejarah di mana orang putih waktu mulanya mereka berjumpa, berkenal, berbaik dan berkawan dengan orang Melayu di atas pulau ini, barangkali di tempat-tempat yang termasyhur itu juga tidak terdapat lagi orang Melayu di sana. Kerana orang Melayu itu telah terusir ke bukit, ke hutan malah di tepi laut untuk mencari makan dengan menjadi nelayan. Tetapi di tepi laut yang mereka gunakan untuk mencari makan sekarang ini pun sudah menjadi tempat tumpuan pelancungan (tourist) dan sebagainya. Kampung yang barangkali sudah kali ketiga atau keempat seumur hidup mereka dalam masa kira-kira 40-50 tahun yang lampau inipun mereka terpaksa berhijrah atau berpindah

lebih kurang 3-4 kali, kerana tapak tanah itu tidak dipunyai oleh mereka, hanya menumpang, dan apabila tanah ini sudah berharga maka dikatakan tanah itu mesti dibina hotel dan dijadikan tempat pelancungan. Begitulah kedudukan orang Melayu di Pulau Pinang: pelajaran, perniagaan, ekonomi segala-galanya ketinggalan—terkebelakang.

Ada setengah orang bercadang supaya diubah Perlembagaan Pulau Pinang itu supaya dijadikan sama seperti Perlembagaan Negeri-negeri Melayu yang lain. Pada saya ini hanya impian atau cuma mimpi sahaja, tidak dapat dilakukan. Apa yang sudah berlaku, telah berlaku. Kita terpaksa menghadapi keadaan yang ternyata, yang hakikat pada masa sekarang ini. Berulang-ulang kali saya dan rakan-rakan saya telah membuat rayuan kepada pemimpin-pemimpin kita yang datang melawat kami.

Pada hari ini saya suka merakamkan dan membuat rayuan dalam Dewan yang mulia ini supaya dapat kita menambah dalam segala rancangan yang sangat baik yang telah dihu-raikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya, iaitu biarlah ditambah satu perkara lagi iaitu setakat manakah barangkali dapat diwujudkan satu agensi istimewa, walaupun di Amerika Syarikat ada agensi istimewa untuk menjaga Red Indians, misalnya. Kalau hendak dianggap orang Melayu di Pulau Pinang sebagai Red Indians di Tanah Melayu ini, tidak dapat kita hendak menolaknya, dan barangkali kita tidak merasa malu lagi. Biarlah kita dianggap sebagaimana Red Indians di Amerika Syarikat asalkan ada satu agensi yang boleh menjaga, melindungi atau menolong orang Melayu Pulau Pinang, kerana kami tidak lagi dapat berharap atau bergantung kepada Kerajaan Pulau Pinang, walaupun ramai wakil kami di dalam Kerajaan Negeri itu, dan barangkali Kerajaan Negeri itu dianggap sebagai Kerajaan Barisan Nasional, tetapi pada umat Melayu Pulau Pinang sekiranya diadakan satu agensi istimewa yang boleh dengan perbelanjaan Kerajaan Pusat (dengan kewangan Kerajaan Pusat) yang barangkali boleh membeli tanah yang sudah dijual atau sudah dimiliki oleh orang. Dengan ini barangkali boleh dicari tempat-tempat bagi mengadakan beberapa buah kampung yang kecil di mana orang Melayu boleh berteduh dan boleh

mengadakan berbagai-bagai rancangan seperti pelajaran, perniagaan, ekonomi dan sebagainya yang mana orang Melayu di Pulau Pinang akan berhak sedikit.

Apabila saya bercakap seperti ini akan dituduh perkauman—tidak sama sekali. Selama hidup saya, saya telah memperjuangkan untuk satu negara di mana semua kaum atau bangsa diberi layanan yang sama. Selama hidup saya kira-kira 30 tahun berpolitik memperjuangkan untuk keadilan sosial, memperjuangkan untuk persamaan. Dengan itu suka saya kemukakan satu perkara lagi yang barangkali boleh memberi pertimbangan supaya saya tidak dituduh perkauman, iaitu berkaitan dengan soal pelajaran, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyebutkan di dalam Titah Ucapannya mengenai pelajaran dan tentang kejadian yang berlaku di sekitar pergerakan pelajar-pelajar di mana Baginda telah bertitah: "... dengan kesanggupan mengawal dan mendisiplinkan diri di dalam menuntut ilmu dan menggunakan peluang-peluang sahajalah hasrat dan harapan rakyat untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dapat dicapai." Di sini saya suka menerangkan bahawa saya telah dilobby dan telah menerima rombongan daripada pemimpin-pemimpin pelajar dari Instituti Teknologi MARA. Saya menerima banyak surat-surat, telegram dan sebagainya. Saya telah baca semuanya dan juga telah menimbangkan segala-galanya.

Sungguhpun di waktu Undang-undang Kawalan Universiti dan sebagainya yang telah dibahaskan, saya dengan keras menentang beberapa peruntukan yang pada hemat saya pada waktu itu menyekat kebebasan dan barangkali kegiatan penuntut, tetapi bila Undang-undang itu sudah jadi undang-undang, saya rasa mahu atau tidak, kita semua mesti patuh pada undang-undang itu walaupun kita tidak setuju, tetapi kita boleh bergerak dan berusaha untuk mengubah undang-undang itu. Akan tetapi sekali undang-undang itu berjalan, kita semua samada bersetuju atau tidak mesti patuh. Nasihat saya kepada penuntut-penuntut I.T.M. ialah balik ke asalnya, yang salah mengaku salah, yang jadi penganjur, yang sudah disingkir balik pergi minta ampun. Mengikut Adat Melayu, barangkali Kerajaan kasihan dan akan mengampunkan dan

barangkali akan dapat berbalik. Tetapi siapa yang melanggar peraturan dan undang-undang kalau dia hero dan berani mesti sanggup terima hukuman. Kalau hukuman disingkirkan, itulah hukumannya. Tetapi saya sendiri berharap dan meminta kepada Kerajaan dan pihak berkuasa di I.T.M. barangkali patutlah kita kasihan dan barangkali patut diberi peluang kepada orang-orang muda itu apabila mereka telah insaf, janganlah siksa sangat, apabila sudah sedar diri mereka, berilah peluang mereka balik, janganlah keras sangat, mereka itu anak-anak kita sendiri.

Dalam perkara I.T.M. juga, saya suka mengemukakan fikiran iaitu baru-baru ini perasaan saya tersentuh sedikit kerana ada timbul sekarang sebuah Kolej Tunku Abdul Rahman yang nampaknya yang disokong dengan kuatnya dan yuran-yuran pun diterima merata-rata sehingga beratus-ratus ribu ringgit. Saya rasa ada merbahayanya di masa hadapan, tidak lama lagi di mana I.T.M. itu menjadi tumpuan Melayu dan Kolej Tunku Abdul Rahman itu menjadi tempat tumpuan orang China. Saya ingat ini kita mesti cuba mengelakkan, mahu atau tidak kita mesti terima bahawa Kolej Tunku Abdul Rahman bukan sebuah institusi China walaupun orang China menyokong sepenuhnya, tetapi oleh sebab Kerajaan membiayainya mengeluarkan seringgit pada seringgit yang dikutip, walau \$30 juta, maka \$30 juta Kerajaan akan keluarkan wang untuk institusi ini, walaupun kolej itu digerakkan dan diusahakan oleh orang-orang China. Orang-orang China tidak patut menganggapnya sebagai institusi China akan tetapi mestilah dianggap sebagai institusi nasional yang dipunyai oleh kita semua, dan akhirnya akan menerima penuntut dari semua bangsa. Barangkali terdapat banyak penuntut China di sana kerana mereka lebih usaha, apa dapat kita buat, tidak dapat kita elakkan, tetapi janganlah tiba satu masa di mana semua penuntut China sahaja di Kolej Tunku Abdul Rahman dan Melayu sahaja di I.T.M.

Tadi saya sebut untuk mengelakkan tuduhan bahawa saya ini berperasaan communal, saya mencadangkan kepada Kerajaan dan khasnya Kementerian Pelajaran supaya menimbangkan seberapa cepat mungkin, kemungkinan dapat kita terima masuk ke dalam I.T.M. bukan sahaja penuntut-penuntut Melayu tetapi juga buka pintu I.T.M. kepada penuntut dari semua

bangsa dan sebaliknya, begitu juga Kolej Tunku Abdul Rahman itu jangan menjadi institusi China, buka pintu kepada semua bangsa supaya kedua-dua institusi akan dapat kebaikan, walaupun barangkali di Kolej Tunku Abdul Rahman lebih banyak China ataupun I.T.M. lebih banyak Melayu, itu tidak dapat dielak bagaimana saya kata tadi di Pulau Pinang orang China lebih daripada Melayu, orang Melayu lebih daripada China di Kedah, itu tidak dapat dielakkan tetapi tidak terdapat dalam satu kawasan di negeri kita di Semenanjung ini di mana seratus peratus Melayu sahaja atau seratus peratus China sahaja. Saya harap dapat Kerajaan kita menimbangkannya demi kepentingan di masa akan datang. Seperti biasa yang dikatakan perbezaan antara ahli politik (politician) dengan negarawan atau statesman ialah ahli politik cuma menumpukan fikiran dan usahanya pada apa yang berlaku pada hari ini tetapi seorang negarawan memandang dan menumpukan fikiran dan pendapat pada apa yang akan berlaku pada masa akan datang. Dengan sebab itu, saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita yang juga menanggung kewajiban pelajaran akan menunjukkan dirinya sebagai negarawan dan akan memberi timbangan yang barangkali akan melibatkan soal di masa yang akan datang.

Perkara yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak kemukakan sebagai pendapat ialah soal luar negeri iaitu soal kedudukan sikap kita dan perhubungan kita. Sungguhpun berbagai fikiran telah dikemukakan, saya pernah berkata dahulu dan saya ulangkan iaitu pertama sekali soal sikap kita yang memang baik dan betul, memang sudah diterima ramai iaitu mewujudkan satu kawasan di Asia Tenggara ini yang bebas, aman dan berkecuali. Ini baik dan diterima, akan tetapi saya rasa kita mesti juga berusaha supaya apa yang dikatakan kawasan Asia Tenggara ini tidak terhad kepada kawasan di mana ada lima negara sahaja sebagaimana yang termasuk dalam ASEAN sekarang, akan tetapi kita mestilah cuba juga walaupun kita sudah cuba dahulu tetapi kita terus cuba dan usaha untuk mendapatkan negara-negara lain dalam kawasan ini sehingga kawasan Asia Tenggara ini akan meliputi negeri-negeri lain termasuk juga negeri-negeri Indo China. Saya rasa pihak Hanoi telah mengeluarkan kenyataan baru-baru ini kerana kurang faham dan tidak

cukup penjelasan kita. Sekiranya kita dapat memperhubungi, dapat menghantar orang ke sana, jemput mereka datang dan dapat menjelaskan segala dasar kita saya tidak syak sama sekali bahawa segala dasar kita akan diterima sebagai dasar yang jujur dan baik dan tidak sama sekali bermusuhan kepada mereka dan saya haraplah ditimbangan sebab antara lima negara ASEAN, nampaknya Malaysia sahaja yang dihormati oleh Hanoi, yang lain ada juga tuduhan ataupun perkataan-perkataan yang menunjukkan mereka tidak begitu senang, tetapi tentang Malaysia saya nampak tidak ada tuduhan, dikecuali daripada segala tuduhan menjadi boneka dan sebagainya. Oleh sebab itu terpaksa Malaysia mengambil peranan yang penting untuk membimbing ASEAN untuk mengadakan keadaan di mana segala usaha kita ini dapat juga diterima oleh negara-negara di Indo-China.

Saya harap kita juga sedar bahawa dalam dasar keamanan dan perkecualian ini, kita tetap tegak mempertahankan ideologi iaitu kita berkeyakinan kita dapat mempertahankan negara ini daripada menjadi kominis, kita menolak dasar kominis, fikiran dan pendapat kominis, manakala bebas Hanoi dan negara-negara lain yang mahu menjadi kominis terus menjalinkan pemerintahan secara kominis tanpa kita campurtangan dalam pemerintahan negara masing-masing. Masing-masing bebas menjalankan cara pemerintahan, sosial dan ekonomi sendiri, saling menghormati, saling menerima kebebasan masing-masing sambil bekerjasama serapat-rapatnya supaya segala masalah yang mungkin timbul dalam kawasan ini dapat diselesaikan dengan kita sendiri tanpa campurtangan kuasa luar.

4.31 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat awal Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah memperkatakan mengenai satu perkara yang amat penting iaitu perpaduan nasional dengan sedikit-sebanyak kesedihan kita telah mengakui bahawa walaupun terdapat satu dasar Kebangsaan bagi menyusun semula masyarakat

sebagai satu cara untuk mencapai perpaduan, setiap kaum masih terpisah kedudukan mereka dari kaum yang lain. Prasangka ke-jahilian dan kadang-kala tradisi masih memisahkan rakyat kita. Oleh kerana masa hadapan negara kita bergantung kepada perpaduan nasional maka pemimpin kita serta Kerajaan mestilah menggandakan usaha untuk mencari jalan bagi mencapai matlamat itu.

Adalah demi kepentingan kita sekalian bagi meneliti pelaksanaan dasar menyokong semula masyarakat itu kita harus menentukan kelemahan membetulkan apa yang silap supaya dasar untuk menyatu padukan rakyat kita itu akan dapat berkesan lagi serta mencapai hasil dengan lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Baginda Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh issue keselamatan kebangsaan. Keselamatan kebangsaan memanglah satu prerequisite untuk ekonomi sosial oleh kerana tanpa keselamatan negara, rancangan pembangunan tidak akan memberi apa-apa hasil dan kemudahan-kemudahan tidak akan berfaedah dan bermakna. Kerajaan, Polis, Angkatan Bersenjata dan rakyat haruslah bekerjasama dan bertindak bersama-sama untuk mempertahankan kedamaian dan keselamatan di negara kita. Kita tentu tidak boleh mengeneipkan ancaman terhadap keselamatan negara kita dan tiap-tiap rakyat Malaysia mesti melibatkan diri terhadap keselamatan negara. Tiap-tiap rakyat Malaysia haruslah memainkan peranan mereka misalnya mengambil bahagian dengan sesungguhnya dalam rancangan RELA dan Rukun Tetangga. Maka dengan demikian saya menyeru kepada Kerajaan supaya memberi insuran dan ganti rugi yang mencukupi untuk peserta-peserta yang menyertai rancangan tersebut.

Pemeliharaan kedamaian dan keselamatan memerlukan segala commitment daripada rakyat keseluruhannya. Saya berharap Kerajaan akan menimbang untuk memulakan perkhidmatan kebangsaan untuk keperluasan kesedaran kebangsaan dan penyertaan rakyat. Adalah diharapkan kewangan untuk perkhidmatan kebangsaan ini akan didapati dari hasil ekonomi negara yang menjadi lebih baik pada tahun ini dan tahun hadapan.

Perkhidmatan kebangsaan bukan sahaja boleh menggunakan tenaga rakyat secara

optimum untuk mempertahankan negara kita, akan tetapi ia boleh juga mengujudkan sebuah masyarakat yang berdisiplin dan berdedikasi pada masa yang akan datang. Tambahan pula rancangan perkhidmatan kebangsaan boleh mempercepatkan proses pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira bahawa Rancangan Malaysia Ketiga akan dilancarkan pada bulan Julai tahun ini. Buat sementara saya percaya bahawa Kerajaan tentu akan mengkaji semula kelemahan dalam Rancangan Malaysia Kedua supaya kita boleh mencapai matlamat yang lebih tinggi. Kami mengambil berat bahawa hasil Dasar Ekonomi Baru belumah dibahagikan kepada rakyat dengan secara luas dan adil seperti yang di panjangkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Maka kempen membasmi kemiskinan tanpa mengira bangsa dan keturunan serta menyusun semula masyarakat belum lagi dijalankan dengan memuaskan. Kejayaan baharu yang akan diujudkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga haruslah dibahagikan dengan secara adil dan saksama di antara rakyat Malaysia.

Segala tenaga Kerajaan mestilah disalurkan dalam tempoh lima tahun ini untuk membebaskan rakyat miskin dan kaum tidak berada dari belenggu kemiskinan. Kerajaan haruslah meminjam pendapatan asasi yang saksama bagi sambungan tenaga buruh mereka. Pendapatan asasi seperti ini patutlah mencukupi keperluan asasi untuk penghidupan seperti makanan, perlindungan, pakaian, kesihatan dan pengangkutan. Kita harus berwaspada tentang perubahan golongan tertentu yang mencuba untuk mempertahankan kepentingan chauvinism di bawa dari perpaduan membasmi dan membentuk semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara berdasarkan pertanian. Pertanian masih penting dalam ekonomi kita. Pertanian melibatkan 1/3 (one-third) daripada keluaran kasar negara ialah mendapatkan lebih kurang 50% dari luar negeri dan memberi pekerjaan kepada separuh daripada golongan pekerja-pekerja kita. Oleh hal yang demikian, proses memodenkan pertanian haruslah dipesatkan. Kerajaan telah membelanjakan banyak wang bagi rancangan tanah tetapi kalau tanahnya yang kecil ini

terus dibahagi-bahagikan lagi maka pendapatan bagi kaum petani kita akan menjadi semakin merosot. Keadaan tanah telah menjadi serious dalam negara kita. Saiz purata tanah yang dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil getah di Semenanjung Malaysia misalnya adalah 5.67 ekar sahaja. Tambahan pula lebih kurang 62% pekebun-pekebun kecil memiliki saiz purata 3 ekar sahaja. Saiz ekonomi tanah pekebun getah adalah dianggarkan di antara 10 hingga 12 ekar. Keadaan untuk pekebun-pekebun kecil Melayu adalah lebih teruk. Jadi pada amnya saiz purata adalah 4.22 ekar dan lebih kurang ada 75% yang mempunyai saiz purata 2.7 ekar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah adalah serious dan dasar tanah kita haruslah dikaji semula. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menggesa Kerajaan Pusat menyusun semula supaya membuka tanah dengan lebih luasnya dan menjalankan rancangan tanah yang baru secara berkelompok di dawah rancangan co-operative tanah gotong-royong. Kerajaan boleh melancarkan atas pajak (lease) sekurang-kurangnya 30 tahun kepada peserta-peserta yang khas dipilih dan disatukan dalam rancangan co-operative. Cuma infra-structure asasi akan dibekalkan oleh Kerajaan dengan sistem berkari dan bergotong-royong, maka masalah perpecahan tanah dapatlah diatasi. Dengan demikian tanah tidak akan dibahagikan lagi oleh jenerasi-jenerasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana mengambil langkah-langkah di pelbagai forum antarabangsa untuk memperkukuhkan harga barang-barang pada peringkat yang lebih menguntungkan penghasil-penghasil serta adil dan berpatutan kepada pengguna-pengguna.

Rancangan kilat nasional yang comprehensive diperkenalkan oleh Kerajaan pada akhir tahun 1974 telah memberhentikan harga getah dari jatuh dengan pesat. Jika dibandingkan di antara bulan November 1974 dengan bulan Januari 1974, harga getah pada bulan Januari 1974 adalah 265 sen satu kilo dan pada bulan November 1974 telah jatuh hingga 97 sen sahaja. Akan tetapi harga getah telah disetabilkan di antara 120 hingga 150 sen satu kilo semasa waktu kemelesetan ekonomi yang teruk itu. Oleh sebab itu pada waktu pemulihan keadaan

ekonomi dunia sekarang ini harga getah dapat disetabilkan mengikut permintaannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan gembiranya saya perhatikan bahawa negara-negara ASEAN memang terdiri daripada negara-negara utama yang menghasilkan bijih timah, getah, minyak kelapa sawit, kayu balak, kelapa, lada dan beras. Negara-negara tersebut adalah negara-negara yang sedang berikhtiar untuk menstabilkan harga barang-barang melalui susunan barang-barang antarabangsa untuk keperluan jangka waktu panjang dan pembangunan perindustrian dalam keseluruhannya. Kerjasama ekonomi ASEAN akan membantu untuk pencapaian, penstabilan ekonomi, sosial dan politik yang lebih tinggi di rantau ini.

4.45 ptg.

Tuan Ch'ian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menyampaikan Titah Ucapannya di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil peluang ini, saya akan menyuarakan reaksi dan pandangan rakyat Malaysia dari ini terutamanya mengenai dasar-dasar yang sedang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Baru-baru ini Kerajaan telahpun bertindak untuk menghadapkan politikus-politikus yang korapsi daripada partinya sendiri ke mahkamah. Sepatutnya langkah ini adalah perlu dipuji tetap desas-desus orang ramai berkata bahawa langkah ini sebenarnya adalah menghukum sesiapa politikus dalam keluarga Barisan Nasional yang tidak mematuhi arahan dan cuba menentang. Saya berharap supaya Kerajaan dapat memperhatikan kata-kata orang ramai ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah lain yang saya akan sentuh ialah tentang masalah rumah setinggan. Sungguhpun masalah ini adalah bukan satu masalah yang baharu, tetapi ianya masih berakar umbi di sisi kehidupan Malaysia hari ini. Perkara ini sebenarnya tidak mungkin hanya diatasi dengan langkah undang-undang atau merobohkan rumah mereka. Diketahui bahawa masalah ini adalah merupakan satu masalah sosial ekonomi. Maka harus dipecahkan dengan secara peri kemanusiaan dan dari segi sosio-ekonomi.

Perkara kekurangan minyak tanah, adalah merupakan satu masalah yang perlu diperhatikan oleh pihak yang berkuasa. Adakah Kerajaan menyedari masalah yang serious ini? Walau bagaimanapun, Kerajaan haruslah bertindak dengan segera untuk menyasiat perkara ini serta mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan saya ke Lurah Bilut, Pahang baru-baru ini satu aduan yang memeranjatkan telahpun diterima iaitu tentang sebuah Sekolah Menengah di Lurah Bilut dalam masa setahun iaitu pada tahun yang lepas tidak disediakan apa-apa buku teks, tetapi pada awal tahun hanya sebuah buku teks diberikan. Saya ingin sekali bertanya Menteri Pelajaran bahawa samada Kementeriannya telah menyedari masalah yang serious ini. Jika ya, apakah tindakan yang berkesan akan diambil supaya ianya tidak berlaku di mana-mana lagi.

Saya juga ingin sekali mahu menasihati M.C.A. yang sedang mempergunakan kekuasaan Kerajaan Barisan Nasional untuk menekan kempen kutipan derma bagi sekolah menengah persendirian. Sebenarnya, M.C.A. harus bekerjasama dengan masyarakat orang China untuk menyumbangkan tenaga dan wangnya untuk pembangunan sekolah menengah persendirian, tetapi bukanlah Kolej-Tunku Abdul Rahman. Diketahui bahawa Kolej Tunku Abdul Rahman bukanlah sebuah kolej yang beraliran sistem pelajaran Tionghua, sebaliknya ianya adalah sebuah sekolah lanjutan yang berdasarkan sistem dan dasar Pelajaran Kebangsaan, iaitu mempergunakan bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantaranya. Sebenarnya, M.C.A. haruslah memperjuangkan tarafnya seperti taraf yang dianugerahkan kepada Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya dan lain-lain Instituti Pelajaran tinggi di mana segala perbelanjaannya adalah seratus-peratus dibiayai oleh Kerajaan.

Kesilapan Kerajaan yang pokok dan terbesar sekali ialah Kerajaan masih tidak sedar lagi dan terus melaksanakan dasar perkauman. Di sini saya memberi amaran kepada Kerajaan Barisan Nasional bahawa sekiranya Kerajaan Barisan Nasional tidak mengubah dasar-dasarnya apa yang dikatakan perpaduan rakyat Malaysia, kemakmuran negara adalah palsu dan tidak benar.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Ucapan Belanjawannya pada tahun yang lepas, bahawa kita masih lagi terpisah mengikut garis-garis perkauman pada sikap, pendirian dan tindakannya tetapi malangnya beliau tidak dengan lebih mendalam dan menyeluruhnya untuk menyentuhi issue ini, atau bermakrifat untuk mengatasi masalah yang serious ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu hakikat yang tak dapat dinafikan oleh sesiapa pun ialah rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum ini masih hidup dalam keadaan dan suasana yang syak-wasangka di antara satu sama lain serta seolah-olah bersatu-padu pada permukaannya kerana di bawah tekanan pelbagai undang-undang yang tertentu. Tetapi ini adalah sangat-sangat merbahaya dan mengkhawatirkan, umpamanya jika sekiranya seseorang yang berpengaruh politik yang kuat di pihak parti yang memerintah telahpun menghadapi sesuatu cabaran, maka timbullah perasaan kekhuatiran dan barangkali kekacauan akan berlaku di sisi perkauman, akhirnya rakyat jelata yang tidak berdosa akan menjadi mengsan. Umpamanya, UMNO sudahpun berjaya untuk mempropagandakan Hak Keistimewaan Bumiputra, akibatnya ialah kaum Bumiputra bersikap bahawa apa yang diperolehi oleh bukan Bumiputra adalah merupakan sedekah dari kaum Bumiputra, maka bila bukan Bumiputra memperjuangkan sesuatu di sisi Perlembagaan, dianggap oleh kaum Bumiputra bahawa mereka adalah keterlampauan. Sebaliknya, kaum Bumiputra terasa bahawa segala yang diadakan haruslah mengikut kemahuan mereka. Tetapi ketidak-puasan orang bukan Melayu ialah mereka merasa kebudayaan dan pelajarannya sedang ditekan-tekan. Mereka juga merasa tidak diberikan layanan yang sewajarnya dan adilnya baik di bidang ekonomi, pekerjaan ataupun melanjutkan pelajaran; dan pegawai-pegawai Kerajaan yang naik pangkat pun didapati tidak adil dan mengikut meritnya.

Tuan Yang di-Pertua, demi kepentingan masa depan negara kita, saya dengan tulus ikhlasnya menyeru Kerajaan Barisan Nasional dapat bertindak dengan segera untuk menghapuskan segala dasar-dasar yang berbau perkaumannya. Saya yakin bahawa Kabinet Baru di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia, yang baru ini

akan mempertimbangkan seruan saya ini. Juga, Kerajaan adalah perlu mewujudkan satu konsep yang baru di sisi kehidupan rakyat Malaysia, iaitu Malaysia adalah bukan dimiliki oleh Melayu, India, China atau lain-lain tetapi adalah Malaysian Malaysia.

Yang mustahak sekarang ialah Kerajaan perlu mempertimbangkan untuk menghapuskan segala oppresifnya pada kebudayaan, pelajaran, pekerjaan, ekonomi dan pelanjutan pelajaran yang sedang dihadapi oleh bukan Melayu. Sebenarnya, Kerajaan mengiktiraf kedudukan bahasa dan pelajaran bukan Melayu bukan sahaja tidak akan merugikan negara amnya dan kaum Bumiputra khususnya, tetapi juga akan menolong menstabilkan keselamatan negara kita. Walau bagaimanapun, saya berharap pencipta-pencipta dasar yang berbau perkauman ini dapat menjawab persoalan saya ini.

4.58 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari pembukaan Persidangan Parlimen kali ini. Sungguhpun Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu ringkas tetapi ianya padat dan lengkap menggambarkan dasar-dasar Kerajaan yang akan dilaksanakan di dalam masa pemerintahan Seri Paduka Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli yang mewakili rakyat dalam sebuah kawasan di dalam Negeri Kelantan negeri singgah-sana Seri Paduka Baginda, saya sungguh merasa berbesar hati dan bangga dengan pemilihan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang keenam bagi negara kita ini. Rakyat Kelantan sentiasa berdoa semoga di dalam pemerintahan Seri Paduka Baginda itu seluruh rakyat negara ini khasnya rakyat Negeri Kelantan akan merasai dan menikmati satu perubahan cara hidup yang lebih progressif dalam mana rakyat Kelantan akan dapat menyamakan taraf hidup yang serba maju berasingan dengan kemajuan yang telahpun dinikmati oleh lain-lain negeri pada masa-masa yang telah lalu. Satu pertanda baik telah terbayang kepada rakyat Negeri Kelantan bila mana satu bentuk perubahan yang diidam-idamkan telah berlaku iaitu perubahan yang

membawa seribu harapan, kerana bukan sahaja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari Raja Negeri Kelantan malah Menteri Kewangan pula telah diberi kepercayaan kepada seorang tokoh muda dari Kelantan yang penuh dengan pengalaman dan dalam menghadapi masalah ekonomi negara. Selain daripada itu Kerajaan pula telah bersetuju supaya kawasan-kawasan negeri yang mundur seperti Kedah, Perlis, Trengganu dan Kelantan diutamakan di dalam semua bentuk pelaksanaan pembangunan dan kemajuan negara. Dengan ini dapatlah kita memberi harapan kepada rakyat di negeri-negeri yang berkenaan itu akan perubahan hidup yang akan didatangi kepada mereka.

Tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru negara melalui projek-projek Rancangan Malaysia Kedua tahun 1971 hingga 1975 yang bertujuan mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang-peluang bekerja kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, mempercepatkan proses-proses penyusunan semula masyarakat Malaysia bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang supaya dapat mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi telah selesai diusahakan di dalam masa lima tahun yang lampau. Adalah menjadi kewajipan bagi rakyat yang berada di kawasan-kawasan yang dimaksudkan itu membuat segala persiapan dan persediaan untuk berusaha dengan penuh semangat perpaduan bagi menerima peluang-peluang yang disediakan oleh Kerajaan kelak. Persediaan-persediaan ini perlu dibuat dengan bimbingan dari pegawai-pegawai yang sedang dan akan ditugaskan di kawasan-kawasan negeri-negeri yang berkenaan. Persediaan-persediaan yang besar yang sangat dikehendaki bagi Negeri Kelantan ialah membentuk jentera Kerajaan Negeri itu dengan penyusunan semua barisan jentera pentadbiran dan menambahkan pegawai-pegawai yang patut didatangkan dari Kuala Lumpur terutama pakar-pakar ekonomi dan perancang yang berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita baru memasuki tempoh perancangan lima tahun yang baru Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilancarkan pada bulan Julai ini dengan mengekalkan matlamat-matlamat

yang sama yang kita telah sekian lama me-laong-laongkan demi untuk memberi kesejahteraan hidup di dalam sebuah negara yang aman, makmur, rukun dan damai serta hidup berbaik-baik di antara satu sama lain di dalam sebuah negara yang berbilang kaum dan mengamalkan dasar dan ideologi demokrasi. Adalah menjadi satu hasrat dan kenyataan anggota-anggota sesebuah masyarakat menoleh ke belakang dan merenungkan secara praktikal terhadap penyampaian-penyampaian dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai berasaskan kepada polisi-polisi yang telah diatur dan disusun itu mengikut matlamat-matlamat yang telah ditentukan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar telah ditentukan bahawa di dalam tahun 1990 iaitu 20 tahun sesudah Dasar Ekonomi Baru dilancarkan penyertaan bumiputra di dalam ekonomi moden akan dapat tercapai sebanyak 30%, baik dari segi pelaburan mahupun pekerjaan tetapi selalunya di dalam keadaan sedemikian pertelingkahan tidak seharusnya timbul. Dalam masaalah dasar tetapi persoalan sering timbul dalam masaalah pelaksanaan dan kejayaan yang telah tercapai. Kesangsian tentang kejujuran pelaksanaan dengan kata lain terdapat berbagai-bagai kelemahan dalam penyusunan atau aturcara pelaksanaan maka seharusnya Kerajaan benar-benar berwaspada supaya khususnya masyarakat dapat digantikan dengan kenyataan tentang pengharapan dan penyampaian yang ditunggu-tunggu oleh rakyat supaya ia jangan menjadi omong-omong kosong sahaja.

Dalam mencapai matlamat yang baik ini bukan perancang atau hasrat yang harus dipersoalkan tetapi pada peringkat pelaksanaanlah dasar-dasar tertentu mesti ditetapkan langkah dengan keutamaan badan-badan yang cekap dan pekerja-pekerja yang mahir dan terlatih. Kerajaan telah mengerahkan penuh tenaga untuk menyusun perancangan tetapi kawalan pelaksanaan nyata lemah. Oleh itu satu usaha ke atas kawalan untuk menentukan keputusan berasaskan kepada perbelanjaan kegiatan-kegiatan Kerajaan adalah sangat-sangat penting bagi menentukan kejayaan. Bidang kawalan adalah luas sekali di antara lain-lain kejujuran, kawalan kuasa, ukuran kejayaan serta menggalakkan kebolehan pengurusan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu penyelesaian segera patut dibuat di antara Jabatan E.P.U. dengan Kerajaan Negeri Kelantan supaya tidak timbul tolak-menolak di dalam kerjasama perancangan. Satu gambaran yang jelas perlu diberi oleh E.P.U. kepada Kelantan supaya dapat negeri itu menentukan sikap dan tugas-tugasnya. Kita tidak mahu lagi mendengar E.P.U. kata Kelantan tidak dapat dibantu kerana Kelantan tidak menyediakan kertas-kertas rancangan. Kita tidak mahu supaya pegawai-pegawai dari perbadanan seperti FELDA, UDA dan MARA yang seharusnya mempunyai hubungan yang lebih luas dengan Kelantan itu diperbaiki, disusun dan dikemaskan.

Saya berbangga dengan perlantikan Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed bin Yaacob sebagai Menteri Perusahaan Am yang ditugaskan menyusun dan mengawasi perbadanan-perbadanan itu sudah tentu banyak perkara yang boleh dibuat oleh Menteri yang berkenaan. Untuk tujuan ini, di sini sukalah saya mencadangkan kepada Menteri tersebut supaya sebuah badan kraftangan yang ditubuhkan oleh MARA dan di bawah Undang-undang MARA dibubarkan dan diganti dengan penubuhan sebuah perbadanan baru di bawah sebuah Akta sendiri yang diluluskan oleh Parlimen yang akan bertanggungjawab kepada Parlimen supaya dapat dengan kuasa-kuasa yang lebih luas, memaju dan mengekalkan perusahaan-perusahaan kecil dan kraftangan di negeri-negeri ini. Dengan adanya sebuah badan seumpama ini kita akan dapat mengadakan perusahaan-perusahaan kecil di kawasan-kawasan luar bandar serta memesatkan lagi kemajuan di dalam bidang kraftangan Malaysia seluruhnya. Kita juga berharap dapat menghapuskan penyelewengan yang dilakukan oleh setengah-setengah syarikat yang sepatutnya membantu pembatik-pembatik di Pantai Timur dalam pembahagian kain putih dan sebagainya kepada mereka. Memang banyak perusahaan-perusahaan kecil yang boleh dibuat di negeri-negeri yang kurang maju seperti perusahaan ulat sutera, perusahaan membuat payong, pemeliharaan ternakan secara kumpulan-kumpulan dan lain-lain lagi yang mana bahan-bahan mentah sedia ada di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merayu kepada Kerajaan bahawa di dalam masa ke hadapan lagi perlulah berhati-hati di dalam menghadapi tuduhan-tuduhan yang

diungkit-ungkitkan oleh parti-parti Pembangkang yang sentiasa menabur racun perpecahan di antara memecah-belahkan Kerajaan kita. Mereka bukan mengeluarkan teguran-teguran yang membina tetapi sebaliknya mengeluarkan apa sahaja angkara untuk menjatuhkan imej Kerajaan dan memusnahkan perpaduan rakyat bumiputra di negara ini. Mereka sedar bahawa perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat bumiputra dan persefahaman yang padu di kalangan pemimpin-pemimpin negara ini tidak akan membuka peluang kepada mereka mengembangkan sayap politik untuk bertapak di dalam pemerintahan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak Kerajaan tidak cepat terlatah di dalam menghadapi satu-satu tuduhan dari mereka seperti mana misalnya yang telah disuarakan oleh wakil DAP tentang syarikat Bumiputra menjadi agen jual-beli kapal terbang, kononnya dengan suara itu jelas kepada kita bahawa DAP sebuah parti yang sentiasa cemburu terhadap kemajuan bumiputra di dalam bidang ekonomi. Mereka tentu lebih suka melihat bumiputra berniaga sebagai penjaja dan pekedai-pekedai kecil dan menjual goreng pisang sahaja. Sekali lagi saya meminta pihak Kerajaan jangan cepat bangkit menari bila mendengar rentak gendang yang dipalu oleh ahli-ahli parti Pembangkang itu sumbang. Yang sudah itu sudahlah yang akan datang janganlah terburu-buru sangat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menghadapi zaman rancangan kemajuan lima tahun yang ketiga nanti saya minta supaya Kerajaan tidak lagi menjalankan dasar memberi sokongan kepada syarikat-syarikat yang telah besar dan telah maju sebagaimana yang pernah dilakukan pada masa-masa yang lalu. Pada masa yang telah lepas banyak rancangan yang besar-besar, umpamanya, usaha pedagang membawa masuk gula ke Malaysia, membina Syarikat Perkapalan Kebangsaan, Limbungan Kapal di Johor dan mengendalikan Perbadanan Pelancungan Malaysia. Semuanya diberi kepada syarikat-syarikat besar yang tertentu sahaja. Saya yakin syarikat bumiputra boleh mampu menjalankan perusahaan-perusahaan seperti itu kiranya Kerajaan memberi peluang dan sokongan yang serupa. Pengusaha-pengusaha luar negeri dapat memberi kerjasama kepada pengusaha-pengusaha bumiputra kiranya bumiputra juga diberi kepercayaan oleh Kerajaan. Sebaliknya, tidak akan ada

pengusaha-pengusaha luar negeri yang sanggup berhubung dengan bumiputra kiranya mereka dapat berhubung dan disokong pula oleh Kerajaan menerusi perusahaan-perusahaan bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan pembentukan Kabinet baru di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn sekarang ini rakyat dapat menikmati hasil pembangunan dan kemajuan yang lebih besar khasnya rakyat di kawasan-kawasan mundur yang telah jauh ketinggalan di belakang.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja saya dapat menyembahkan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada akhirnya, sukalah saya menyampaikan tahniah saya kepada Menteri-menteri baru dan Timbalan-timbalan Menteri baru yang telah dilantik baru-baru ini.

5.12 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang untuk menyokong usul yang telah dibentangkan oleh wakil dari Permatang Pauh. Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku walaupun ringkas tetapi benar-benar menggambarkan keazaman Kerajaan yang bersungguh-sungguh menghadapi masaalah-masaalah negara dan memberi keadilan kepada rakyat.

Di dalam membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, saya tertarik hati untuk mempersoalkan berkenaan dengan langkah Kerajaan menyediakan formula-formula baru untuk menambah kewangan ke Negeri-negeri yang kurang maju tetapi memberi sumbangan yang besar terhadap ekonomi negara. Langkah ini adalah satu langkah yang adil. Langkah ini boleh memberi kesempatan kepada Negeri-negeri itu seperti negeri Perlis, negeri Kedah, Kelantan dan Trengganu untuk menampung kelemahan-kelemahan yang ada pada hari ini. Di dalam menampung kekurangan-kekurangan yang ada, saya rasa dapatlah negeri-negeri itu mengejar kemajuan-kemajuan yang telah tertinggal, tetapi saya bimbang dengan sebab negeri-negeri yang berkenaan khususnya negeri saya negeri Perlis oleh kerana telah tertinggal dari segi pembangunan dan sekarang ini kerajaan menggalakkan pembangunan daerah ataupun pembangunan

wilayah, kemudahan-kemudahan yang diberi oleh pihak Kerajaan Pusat itu manakala diadakan pembangunan-pembangunan kelak janganlah tenggelam pembangunan-pembangunan itu dengan kerugian kepada rakyat negeri itu sendiri. Saya kata demikian kerana rakyat di negeri-negeri yang tersebut adalah terdiri daripada rakyat yang menderita miskin. Seperti negeri Perlis dan Kedah kebanyakan daripada rakyat di sana adalah terdiri daripada petani-petani belaka. Kalau pembangunan itu diadakan dan pembangunan yang akan diadakan itu terlampau pesat tidak dapat diikuti oleh rakyat maka sudah tentu kerugian akan dihadapi oleh rakyat itu sendiri. Di dalam hal ini saya berharap selain daripada memberi bantuan kewangan kepada negeri-negeri yang tersebut maka hendaklah juga memberikan bantuan pakar-pakar berkenaan dengan ekonomi supaya perkara yang saya bimbangkan itu tidak akan berlaku.

Menyentuh berkenaan dengan kemiskinan rakyat di negeri-negeri tersebut khususnya di negeri Perlis dan Kedah, negeri Perlis dan Kedah telah memberikan sumbangan yang besar kepada negara, lebih daripada 50% daripada kehendak beras negara adalah datangnya daripada negeri Kedah dan Perlis. Rakyat telah menunjukkan bukti yang mereka telah sanggup mengubah sikap daripada menanam padi sekali setahun kepada menanam padi dua kali setahun dan telah menunjukkan kesungguhan mereka untuk membina ekonomi negara tetapi keadaan petani masih seperti lama tidak berubah. Saya tidak menafikan langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi perkara itu. Kerajaan telah membuatkan berbagai-bagai rancangan untuk meninggikan taraf hidup petani-petani, misalnya, Rancangan Perairan Muda, FAMA, Lembaga Padi dan Beras Negara dan sebagainya. Kesemuanya ini adalah agensi-agensi Kerajaan yang telah ditubuhkan untuk meninggikan taraf hidup petani-petani tetapi malangnya keadaan petani hingga hari ini tidak berubah sepertimana biasa juga. Pada hal mereka telah menunjukkan kesungguhannya di dalam mengikuti perkembangan yang telah diadakan oleh Kerajaan.

Sebagai contoh saya bawa di sini petani-petani di dalam Perairan Muda yang sekarang ini telah mengubah sikap sungguhsungguh untuk membanyakkan lagi pendapatan dan perolehan negara. 17 buah

Persatuan Peladang telah dicantumkan oleh mereka sendiri dan ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Bertindak ataupun Jawatankuasa Penyelaras. Oleh yang demikian, saya berharap kepada agensi-agensi yang berkenaan mestilah menghormati perkembangan-perkembangan yang telah berlaku kepada mereka seperti MADA misalnya. Di dalam Jawatankuasa Tadbir MADA atau Lembaga MADA itu hendaklah ada diwakili oleh petani-petani. Kalau mereka sudah sanggup untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelaras bagi mengendalikan masalah mereka maka mereka juga sanggup untuk duduk di dalam Lembaga itu bagi menyuarakan suara-suara mereka. Maka dengan sebab itu, saya berharap pihak yang berkenaan patutlah mengambil daripada mereka itu menjadi wakil di Lembaga itu.

Begitu juga di dalam Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.). Setakat sekarang ini apa yang saya tahu suara petani tidak ada di dalam Lembaga Padi dan Beras Negara, tetapi suara-suara pengilang ada dijemput untuk memberikan pendapat di dalam menentukan harga padi. Sewajibnya petani-petani lah yang menentukan harga padi kerana mereka yang mengeluarkan padi tetapi suara mereka tidak diambil dan sebaliknya pula suara pengilang-pengilang yang membeli padi daripada petani-petani itu diambil suara. Oleh yang demikian, saya berharap juga kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil daripada petani-petani ini wakil mereka untuk menentukan harga padi.

Selain daripada itu, yang ingin saya menyentuhkan dengan secara ringkas ialah berkenaan dengan keselamatan. Titah Ucapan Baginda telah menekankan bahawa perjuangan untuk menegakkan keselamatan adalah perjuangan rakyat. Tetapi mengapa perkara yang mengganggu keselamatan makin sehari semakin menjadi. Penyusupan komunis, penyeludupan, pencolek, perompak, penyamun dan lain-lain lagi menjadi-jadi. Saya menjunjung tinggi pengorbanan yang telah diberikan oleh angkatan bersenjata dan saya menilai mulia usaha yang telah dijalankan oleh Pasukan Keselamatan di dalam memerangi perkara-perkara tersebut. Tetapi apa yang saya ingin sentuh di sini ialah berkenaan dengan penyeludupan. Penyeludupan sekarang ini bermaharajalela terutama sekali di sebelah utara Malaya, di Perlis—saya katakan. Ketua-ketua penyeludup ini telah menggunakan orang-orang

mereka ataupun telah menggunakan orang-orang tempatan untuk menyeludup barang-barang dijadikan agen. Kalau kita pergi melihat di sana dengan terang-terang mereka ini menjalankan penyeludupan. Mereka tidak mengindahkan sesiapa. Dengan jalan motokar, lori sehingga kepada motosikal digunakan untuk menyeludup. Orang-orang kampung telah berasa bimbang untuk keluar di waktu malam kerana jalan-jalanraya sama ada jalan itu kecil atau besar telah di-monopoli oleh mereka. Keselamatan jalanraya telah terganggu, keamanan penduduk-penduduk kampung terancam disebabkan oleh penyeludupan khususnya penyeludupan beras dan padi. Rakyat di kawasan saya sangat-sangat bimbang dan khuatir perkara ini berlanjutan kerana kalau sekiranya perkara ini berlanjutan akan mengakibatkan perkara yang tidak baik pada mereka sendiri, kerana dengan banyaknya penyeludupan-penyeludupan itu mungkin terjejas kedudukan harga padi yang menjadi punca yang tunggal bagi penghidupan mereka.

Di dalam masalah ini saya rasa langkah-langkah yang patut dijalankan oleh Kerajaan, yang pertamanya ialah kerjasama di antara golongan-golongan yang tertentu patut diperkuatkan iaitu kerjasama di antara Kastam, Polis, L.P.N. dan tentera. Setakat ini dengan mata kasar boleh menunjukkan bahawa kerjasama itu tidak ada. Orang-orang kampung sendiri ataupun petani-petani itu sendiri telah merungut kepada saya. Mereka telah pergi berjumpa dengan L.P.N. mengadukan perkara-perkara yang berlaku, tetapi L.P.N. telah menjawab bahawa kami bertugas ialah berkenaan dengan pemindahan padi daripada satu kawasan kepada satu kawasan. Manakala mereka mengadu pula kepada Polis, Polis akan menjawab mereka tidak dapat menentukan yang mana padi dan beras yang diseludupkan dengan padi tempatan. Manakala mereka mengadu kepada Kastam, Kastam pula berkata, kawasan adalah luas, bilangan pegawai-pegawai kami tidak mencukupi dan manakala mereka bertanya pula kepada angkatan tentera, kami ditugaskan untuk mengawal pusat-pusat kawalan yang tertentu dan bukanlah tugas kami untuk merayau ke sana ke mari. Sungutan-sungutan yang saya lahirkan di Majlis yang mulia ini, sungutan yang saya terima daripada orang ramai. Jadi dengan sebab itu saya katakan kerjasama di

antara 4 golongan inilah akan dapat menghapuskan penyeludup yang bermaharajalela yang berlaku di sempadan pada hari ini.

Langkah yang kedua yang saya nampak dapat menyelesaikan masalah ini langkah yang telah dijalankan oleh pihak yang berkenaan dalam tahun 1973 patut dijalankan segera. Saya tidak menyebut langkah itu kerana pihak yang berkenaan tentu tahu apa langkah yang dijalankan dalam tahun 1973. Kalau sekiranya langkah itu dijalankan segera, maka saya percaya langkah itulah akan dapat mengurangkan berkenaan dengan penyeludupan yang berlaku di sempadan pada hari ini.

Yang akhir sekali, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengingatkan supaya rakyat sanggup mengubah sikap. Pegawai-pegawai Kerajaan mesti menentukan pelaksanaan rancangan mencapai matlamat dan keseluruhan rakyat mesti bersedia mengorbankan kepentingan-kepentingan individu dan golongan. Menyentuh berkenaan dengan perkara ini negara telah melalui beberapa langkah kemajuan semenjak daripada Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua dan sekarang ini kita di ambang pintu untuk memasuki Rancangan Malaysia Ketiga. Laungan yang diseru oleh Seri Paduka Baginda itu telah pernah kita dengar terdahulu daripada itu tetapi mengapa sehingga terpaksa Baginda mengulangkan perkara-perkara yang sedemikian. Adakah sehingga hari ini rakyat belum sanggup mengubah sikap? Pada pendapat saya rakyat sudah sanggup mengubah sikap. Dalilnya rakyat di kampung-kampung sudah mengubah sikap mereka menerima rancangan-rancangan Kerajaan dengan begitu bersungguh-sungguh sehingga mengeluarkan hasil dan anak-anak muda di kampung-kampung sanggup mengubah sikap berpindah daripada kampung ke bandar. Adakah Pegawai-pegawai Kerajaan itu tidak menentukan pelaksanaan rancangan mencapai matlamat sehingga hari ini? Di dalam masalah ini pun saya rasa banyak sudah pegawai-pegawai Kerajaan yang sudah mengubah sikap mereka dan menentukan di dalam kerja mereka untuk mencapai matlamat yang dicita-citakan oleh Kerajaan.

Yang ketiga berkenaan dengan kepentingan-kepentingan individu dan golongan-golongan. Pendeknya, ketiga-tiga perkara

ini pada pendapat saya bukan sebab mereka itu tidak menyahut Rancangan Kerajaan, tetapi pada pendapat saya ialah disebabkan oleh nilai-nilai yang ada di dalam jiwa itu tidak mahu menentukan bagi mencapai matlamat yang dicita-citakan, kerana sekarang ini nilai utama ialah nilai kebendaan diletakkan dipucuknya sekali tetapi nilai kerohanian diletakkannya di belakang Inilah puncanya yang menyebabkan segala perkara-perkara berlaku dan matlamat tidak akan dapat dicapai. Allah subhanahu wa taala tidak mengutuskan Nabi Musa alaihisalam untuk Firaun kerana Firaun telah berjaya di dalam kebendaan, kemajuan yang telah dicapai oleh Firaun tidak dapat diengkar. Begitu juga Allah tidak akan mengutuskan Nabi Esa alaihisalam melainkan kerana umat Esa di waktu itu telah mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam soal kebendaan. Pada pendapat saya kalau sekiranya keadaan yang sedemikian ini berlanjutan nilai kebendaan itu diutamakan lebih daripada yang lain-lain, maka selama itulah tidak akan tercapai matlamat, tetapi nilai yang sebenar yang patut diutamakan ialah nilai kerohanian yang menjadi benteng untuk mempertahankan segala keburukan-keburukan yang berlaku di dalam dunia pada hari ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

Anak-anak muda yang saya katakan berpindah daripada kampung ke bandar, masa mereka di kampung penuh dengan kerohanian tetapi manakala mereka berubah sikap mereka datang ke bandar-bandar, di bandar-bandar dipengaruhi dengan segala kebendaan, maka jiwa yang telah disemai oleh ibubapa mereka semenjak daripada kecil tadi telah hilang, terpengaruh dengan kebendaan yang ada di bandar-bandar, maka berlakulah apa yang berlaku kepada mereka itu. Oleh yang demikian, saya sekali lagi menekankan, bahawa bagi mencapai matlamat supaya rakyat mengubah sikap supaya Pegawai-pegawai Kerajaan sanggup mementingkan matlamat dan orang ramai ataupun rakyat jelata sanggup mengorban individu mereka demi kepentingan ramai tidak akan dicapai melainkan mesti kita teguhkan kerohanian lebih daripada kebendaan, kerana kerohanian ini adalah satu perkara yang lambat datang tetapi manakala dapat diresapi dalam jiwa susah hendak buang.

Sebaliknya pula kebendaan, datangnya senang tetapi buangpun senang juga. Oleh yang demikian, kerohanian dikehendaki kepada tekanan yang lebih daripada kebendaan baharulah kita mencapai segala matlamat yang dicita-citakan.

5.31 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya bercakap dalam menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh mengucapkan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya bergembira hari ini kerana di samping dapat mendengar Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia yang baru sahaja ditabalkan menjadi Yang di-Pertuan Agong dan juga mendapat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang baru, dengan tidak melupakan mereka yang telah lama dan yang telah pergi. Saya yakin dan percaya negeri ini akan lebih mencapai kemajuan pembangunan dan kemakmuran hasil pimpinan yang ada sekarang. Juga sebagai sambungan fikiran dari pemimpin yang telah lalu. Telah ketara kejayaan kita dalam beberapa bidang dengan kejayaan Persidangan Bali, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diberi tempat yang istimewa. Juga dengan kejayaan di Malaysia Timur di mana dengan usaha pimpinan di sana satu parti pembangkang SNAP akan bersama kita dalam Barisan Nasional.

Selain daripada itu, sebagai Wakil Rakyat dari Negeri yang kurang berada maka saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan, kedua-duanya yang baru, di mana mereka telah memberi kenyataan bahawa peruntukan istimewa akan dibuat untuk memberi wang yang lebih banyak kepada negeri-negeri yang tidak berwang, seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu dan Pahang. Berhubung dengan ini saya ingin menyebutkan tentang masalah pemberian wang kepada negeri bagaimana yang terkandung dalam Fasal 109 Perlembagaan, di mana pemberian itu adalah mengikut bilangan orang dan penyelenggaraan jalan-jalan dalam Negeri. Maka dengan ini bermakna negeri yang penduduknya sedikit dan jalanrayanya pendek akan mendapat

peruntukan yang tidak banyak. Dengan ini, saya ingin merayu agar jalan yang lebih sesuai diambil dalam hal ini, kerana kedudukan sekarang kadang-kadang setengah negeri tidak dapat hendak menambah jalanraya yang bertaraf jalan Negeri bagi mendapatkan peruntukan wang yang banyak dengan sebab tidak ada wang dan kadang-kadang membaiki jalanraya tidak dapat dibuat dengan sempurna mengikut sewajarnya. Apa lagi untuk projek-projek lain yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ini saya ingin menyentuh tentang masaalah Perbadanan-perbadanan Negeri. Negeri-negeri telah banyak menubuhkan Perbadanan-perbadanan ataupun anak-anak perbadanan bagi menyelenggarakan projek-projek ekonomi dan sebagainya. Peruntukan diberi kepada perbadanan-parbadanan ataupun anak-anaknya ini dari wang Kerajaan Negeri, pinjaman-pinjaman dan sebagainya dan tujuan penubuhannya adalah sangat baik sekali. Ia adalah semata-mata untuk melibatkan diri dalam bidang aktiviti yang lebih luas tetapi setelah ianya berjalan hasilnya adalah mendukacitakan. Amat sedikit badan-badan yang ditubuhkan ini mendapat keuntungan. Malah setengahnya menjadi masaalah pula kepada Kerajaan-kerajaan negeri seperti kata orang hendak buang tak dapat, hendak telan tak boleh hendak tutup pun tak boleh, hendak maju pun tidak berjaya. Jadi dengan ini saya mengesyorkan agar satu jalan keluar mesti diambil lebih segera. Bukan jalannya dengan menutup badan-badan itu tetapi haruslah dijalankan dengan lebih menguntungkan. Antara lain ialah:

- (i) Membuat kajian tentang kedudukan badan-badan ini dari sudut faedah dan hartanya.
- (ii) Membuat kajian tentang pengurusan dan pegawai-pegawainya.
- (iii) Membuat kajian tentang kemungkinan kerjasama dengan badan-badan lain samada badan Kerajaan Pusat ataupun sebagainya.
- (iv) Membuat kajian tentang kemungkinan dapat dijalankan langkah bertukar pegawai dari satu badan ke badan yang lain.

Saya mengucapkan terima kasih kepada UDA yang telah membuat kerjasama dengan perbadanan-perbadanan negeri iaitu penubuhan Peruda. Tetapi hendaknya janganlah

dengan penubuhan Peruda ini menyebabkan terhalangnya UDA daripada membuat kerjasama-kerjasama dengan bumiputra di segala bidang di negeri-negeri yang tersebut, sebab itu adalah asas utama penubuhan UDA.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang masaalah kaum nelayan, sebenarnya masaalah mereka adalah sulit. Usaha Kerajaan untuk mengurangkan kaum nelayan nampaknya tidak begitu berkesan. Angka kaum nelayan masih tetap seperti itu juga. Saya nampak bukan masih tetap seperti itu sahaja bahkan makin bertambah banyak. Sesungguhnya kerja menjadi kaum nelayan ini bukan dicari oleh mereka, tetapi oleh kerana mereka tidak dapat bekerja di tempat lain sedangkan bidang itu luas dan boleh masuk dengan tidak payah membuat permohonan, pergi sahaja boleh bekerja, maka itulah yang menyebabkan mereka menjadi nelayan. Kalaulah ada kerja kekal di tempat lain sudah tentu mereka pun tidak mahu menjadi kaum nelayan. Sebagai satu contoh, kaum nelayan begitu ramai memohon untuk menjadi peserta dalam Rancangan Tanah FELDA, tetapi apakah FELDA terdaya untuk menerimanya. Jawabnya tentu tidak. Jadi kalau begitu kita kurang yakin tentang usaha untuk mengurangkan kaum nelayan ini dapat tercapai tetapi sekiranya peluang-peluang yang lebih luas di bidang lain diwujudkan dan ditempatkan serta keistimewaan diberi kepada kaum nelayan sudah tentu itu akan dapat dicapai dengan lebih baik sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal nelayan ini saya ingin menyebut tentang satu hal di mana pihak MAJUIKAN telah mengadakan perkiraan untuk membuat perkongsian dengan sebuah negara luar iaitu Korea Selatan bagi menjalankan usaha menangkap ikan di laut yang dalam. Saya kurang jelas dalam hal ini kerana saya tidak tahu apakah kaum nelayan yang mempunyai modal terutama bumiputra dapat campur sama dalam syarikat yang akan dikendalikan oleh pihak MAJUIKAN dengan syarikat daripada luar negeri ini. Saya fikir amat baik kalau sekiranya pihak MAJUIKAN dapat mengadakan perkongsian dengan kaum nelayan yang mempunyai modal, samada bumiputra atau tidak tetapi yang lebih utama ialah pemodal bumiputra yang menjadi kaum nelayan. Amat baik sekali pihak MAJUIKAN mengadakan perkongsian dengan mereka ataupun

sekurang-kurangnya menjemput mereka bersama dalam satu syarikat yang dikendalikan oleh MAJUIKAN dan perbadanan luar negrei itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin menyebut sedikit tentang bantuan subsidi pada kaum nelayan iaitu memberi enjin kepada kaum nelayan yang berharga \$4,000-\$5,000. Tetapi masalahnya ialah bagaimana orang membuat teka-teki mahu telorkah dahulu atau mahu ayamkah dahulu, iaitu pihak Jabatan Perikanan memerlukan mereka yang mempunyai bot tetapi tidak mempunyai enjin, ini syaratnya. Jadi kalau ada 10 orang yang mempunyai bot, tetapi enjin yang diberi hanya satu atau dua, maka sudah tentu kaedaannya tidak menyenangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pernah berlaku satu kejadian di mana Wakil Rakyat terpaksa menjalankan kerjanya yang bersungguh-sungguh untuk menghilangkan perasaan tidak puas hati di kalangan kaum nelayan dengan sebab bot yang dibuat ialah semata-mata untuk mendapat bantuan. Tetapi lima yang membuat bot, dua mendapat bantuan dan yang lain itu tidak ada enjin, maka Wakil Rakyat terpaksa mencari bidang-bidang yang lain untuk memberi enjin kepada mereka. Alangkah baiknya, Tuan Yang di-Pertua, ditetapkan dengan lebih awal lagi orang ini akan mendapat bantuan enjin dengan syaratnya mesti bot ada.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang keadaan keselamatan dalam negeri iaitu sekarang kejadian-kejadian jenayah banyak berlaku. Tetapi saya rasa keadaan sekarang lebih baik daripada masa yang silam kerana nampaknya kawalan telah dapat dijayakan oleh pasukan keselamatan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada pihak Polis kerana telah berjaya menjalankan penyiasatan dan menjalankan peranannya sehingga kejadian-kejadian jenayah ini tidak begitu banyak berlaku. Sungguhpun begitu kadang-kadang kejadian jenayah ini lebih besar iaitu dari sudut pembunuhan. Saya rasa hal ini harus mendapat perhatian oleh masyarakat umum sebagaimana yang kita tahu pihak Kerajaan telah mengadakan pasukan RELA, Rukun Tetangga semata-mata untuk menjaga keselamatan di negeri ini.

Pada satu bidang yang lain, Tuan Yang di-Pertua, iaitu TV saya kurang puas hati berkenaan dengan filem-filem yang ditayangkan oleh TV kita iaitu filem yang diimpot daripada luar negeri khasnya daripada barat yang berkisar dari sudut-sudut filem-filem pembunuhan. Seperti semalam saya telah melihat dan menonton filem-filem di mana filem pembunuhan telah ditayangkan iaitu Hawaai Five "O". Pada pagi ini apabila saya membaca suratkhbar ada pula pembunuhan berlaku di negara kita. Ini menunjukkan kalau banyak filem-filem pembunuhan ini ditayangkan seolah-olah kita mengajar anak-anak kita bagaimana cara membunuh dan cara menembak. Walaupun dari sudut filem jika akhirnya sipembunuh itu dapat ditangkap oleh pihak pasukan keselamatan, pada pendapat pihak penapis filem itu boleh ditayangkan tetapi pada saya, saya merasa tidak puas hati kerana terlampau banyak filem itu ditayangkan. Anak-anak muda akan cuba mengikuti jejak langkah sebagaimana yang dibuat oleh pelakun-pelakun dalam filem itu. Hal ini haruslah ditapis dengan lebih rapi lagi agar filem itu yang ditayangkan di TV yang dituntun oleh seluruh masyarakat akan menjadi guru kepada pelaku-pelaku jenayah dalam negeri ini, ataupun melatih kaum muda melakukan jenayah pada masa yang akan datang. Jadi itulah harapan saya kepada pihak yang berkenaan agar keselamatan negara akan dapat lebih terjamin dan kita akan berada dalam keadaan yang aman.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut hukum ugama Islam kita buangkan yang mudarat lebih dahulu daripada kita mengambil munafaat, sebab ada orang yang mengatakan munafaatnya baik filem ini dan ada orang mengatakan pula mudaratnya ada. Dari sudut ugama sekiranya ada mudarat buangkan yang mudarat dahulu baru dapat munafaatnya. Biarlah kita tidak dapat munafaat asalkan jangan ada mudarat. Itulah kaedahnya daripada sudut ugama kita yang maha suci.

5.46 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh berkait dengan Titah Di Raja pada 30hb Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik hati dan berasa bertuah manakala menatap isi Titah Ucapan Di Raja yang sungguh menyentuh beberapa perkara yang penting terhadap rakyat, terutamanya bagi rakyat yang miskin yang duduk di luar bandar dan Kerajaan Baginda menitik beratkan serta menegaskan memberi akuan kepada rakyat bahwasanya Rancangan Malaysia Ketiga akan dilancarkan dalam tahun ini. Juga diterangkan dan ditegaskan matlamat rancangan itu iaitu untuk memupuk dan memelihara perpaduan dan matlamat memberikan kemudahan-kemudahan iaitu mengubah cara hidup orang-orang miskin dan menjaga keselamatan negara. Rancangan Malaysia Ketiga itu memang ditunggu-tunggu dan diharapkan oleh rakyat yang miskin, terutama rakyat yang di luar bandar yang jauh ketinggalan, kerana sedangkan dua rancangan yang sudah berlalu iaitu Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua masih lagi belum cukup dan belum sempurna segala cita-cita dan hasrat Kerajaan untuk memberikan segala kemudahan kepada rakyat yang miskin terutamanya yang di luar bandar. Memang tidak dinafikan pada hari ini masih ramai lagi rakyat yang menggunakan jalan-jalan debu, becak dan masih lagi meminum air daripada perigi jauh sekali kemudahan bekalan letrik dan sebagainya. Rakyat penuh percaya dan berkeyakinan atas kesanggupan dan kelayakan Kerajaan bagi menjayakan rancangan-rancangan tersebut apatah lagi Rancangan Malaysia Ketiga mempunyai matlamatnya yang tegas iaitu menitik beratkan dan bertanggungjawab untuk mengembelikan segala kemudahan bagi rakyat yang miskin. Daripada rancangan yang sudah iaitu Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua dapatlah kita memahami atau memberi teguran akan kelemahan-kelemahan kepada rancangan-rancangan yang telah dijalankan. Diharap Kerajaan dapat panduan yang baik daripada ahli-ahli yang sudah bercakap pada masa yang lalu dan saya suka menekankan iaitu sikap pegawai-pegawai Kerajaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Baginda dan Kerajaan supaya benar-benar menitik-beratkan, jujur dan bertanggungjawab dengan penuh dedikasi kepada rancangan demi kepentingan rakyat seluruhnya. Saya percaya semua yang berkenaan dapat menyesuaikan dengan benar-benar bertanggungjawab bagi menjalankan rancangan, dan dengan itu tidak ada sebab kejayaan tidak dapat dicapai.

Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua sudah selesai dan rakyat sungguh berterima kasih kepada Kerajaan kerana asas permulaan rancangan-rancangan dan kemajuan-kemajuan sudah dapat dicapai dan dinikmati dan diharap rancangan yang ketiga akan dapat menyelesaikan perkara yang tidak menyenangkan rakyat dan diharap Rancangan Malaysia Ketiga akan tidak lagi disebut-sebut oleh orang ramai iaitu yang miskin tinggal miskin atau bertambah lagi miskin, dan yang kaya lagi berlipatganda kayanya. Dalam hal ini diharap semua pegawai akan bertanggungjawab untuk mengikis dan diisikan Rancangan Malaysia Ketiga itu dengan memberikan puashati kepada rakyat semua. Seterusnya saya menyeru kepada semua agensi-agensi Kerajaan, badan-badan berkanun agar memberikan sikap yang lebih didikasi bertanggungjawab untuk memimpin, membimbing dan memberi bantuan yang sewajarnya kepada kemajuan yang diperlukan oleh rakyat. Pada masa yang lampau perkara ini sukar dan kurang benar dapat memberi puashati kepada rakyat dan rakyat sentiasa menunggu bertahun-tahun bagi satu-satu projek hendak dijayakan. Sebagai contoh yang berlaku di kawasan saya, di Pekan Tanjong Karang. Di Majlis Tindakan Daerah Kuala Selangor telah dibuat cadangan supaya sebuah kompleks bagi bumiputra diadakan di Tanjong Karang. Untuk menyediakan pelan induk dan kertas kerja bagi rancangan itu, mengambil masa bertahun-tahun, kalau tak silap saya sudah hampir 5 tahun sehingga hari ini tidak ada apa-apa yang telah dijalankan. Keadaan yang semacam inilah yang memberikan ke-runsingan dan timbul perasaan marah di kalangan rakyat kepada Kerajaan pada hal Kerajaan tidak berdosa, perlaksanaannya seperti yang disebutkan oleh ahli-ahli yang lain itu juga yang menjadikan satu perkara yang tidak begitu memuaskan hati. Juga pada masa sekarang ada satu skim bagi memperbaiki perairan sawah padi. Pada mulanya dijangka bermodal \$28 juta dan masa yang dibuat pada perkiraan 15 tahun. Saya membuat tentangan dan membetulkan keadaan itu kerana petani-petani tak sabar hendak menunggu masa yang begitu lama dan minta dipercepatkan. Apabila diminta dipercepatkan, maka pihak Kementerian menyatakan perbelanjaan itu berkehendakkan \$60 juta. Jadi masalah macam inilah yang memberikan tidak berapa difahami oleh rakyat bahawa Kerajaan berdolak-dalik. Jadi keadaan yang

begitu, saya harap manakala Rancangan Malaysia Ketiga itu dilaksanakan dan diharapkan dengan satu sikap yang memberikan kesan kepada orang ramai.

Masalah dihadapi Kerajaan pada hari ini sama sahaja di mana-mana iaitu rakyat dahagakan tanah, rakyat kekurangan tanah dan rakyat berkehendakan tanah dan rumah. Kaum pekerja juga dahagakan rumah dan makanan. Jadi dalam masalah ini, saya merayulah kepada Kerajaan dan Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya dapat menyusun dan melengkapkan kemudahan untuk rakyat yang tidak berada. Dan dalam perlaksanaannya juga seperti mana yang disentuh oleh Ahli-ahli yang lain bahawa masalah keadilan dan kejujuran yang dituntut supaya sikap Kerajaan yang berkehendakkan keadilan dan kejujuran itu dapat disambut baik. Ini ada kena mengena dengan keselamatan negara dan perpaduan negara dan sebagainya.

Berkenaan dengan perpaduan dan keselamatan, saya sungguh kesal iaitu sebentar tadi Ahli dari Petaling telah membangkitkan perkara yang dirasakan tidak puas hati dan memberi amaran kepada Kerajaan iaitu memberi pandangan berat sebelah kepada satu kaum sahaja. Ini hendaklah kita fahamkan bahawa pokok di antara rakyat di dalam negara, kalau masih lagi ada jurang perbezaan pendapatan, keadaan dan kedudukan masing-masing di antara satu kaum dengan kaum lain, maka selama itu, perpaduan tidak akan dapat dicapai. Manakala perpaduan tidak ada, sudah barang tentu keselamatan negara terancam dan tidak tenteram. Apakala keselamatan tidak tenteram, maka rancangan dan pembangunan negara harus terjejas. Jadi saya harap wakil dari Petaling dapat menyedari dan kesal atas ucapannya dan saya menyeru beliau itu balik ke pangkal jalan dan memberikan kerjasama yang penuh dan rasa bertanggungjawab selaku rakyat yang taat setia kepada Kerajaan dan kepada negara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, wakil dari Petaling bercakap semalam, mungkin yang dibangkitkannya itu ialah Ahli dari Batu Gajah yang bercakap sebentar tadi.

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Minta maaf. Inilah yang diharapkan pada istilah saya dan pada fahaman saya yang dikatakan oleh

Titah Baginda bahawa rakyat diminta menukar sikap. Jadi sikap itulah pada perasaan saya yang dikehendaki oleh Kerajaan dan dititik-beratkan iaitu sikap persefahaman (understanding) sikap yang ada kejujuran dan tanggungjawab bersama dengan Kerajaan.

Saya penuh percaya dan yakin kalau semua golongan rakyat terutama pemimpin-pemimpin rakyat mempunyai sikap yang begitu maka mudah bagi Kerajaan menenteramkan keselamatan dalam negara ini. Walaupun kita belanjakan berjuta-juta ringgit membeli senjata, meriam dan peluru, namun rakyat tidak menukar sikap, tidak jujur kepada Kerajaan, dan kepada Negara-nya maka saya rasa perbelanjaan itu sia-sia sahaja dan akan tidak memberi kesan dan bekas untuk keadaan yang begitu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah menyentuh berkenaan dengan pelajaran. Sungguh pun telah berkali-kali diperkatakan dan diberi akuan oleh Kementerian tetapi saya suka-lah demi desakan keadaan di luar bandar supaya Kementerian dapat dengan secepat mungkin memberikan facilities yang cukup kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Juga guru-guru sementara patutlah digantikan dengan guru-guru yang berkelayakan supaya keadaan persekolahan di luar bandar dapat sama setaraf dengan keadaan di bandar ini. Kerana pada masa ini kehendak ibu-bapa iaitu menitik beratkan pelajaran sama sahaja keseluruhannya dan tidak jauh di antara satu dengan lain.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim bercakap, saya nampak ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, jadi saya akan benarkan lagi esok sehingga pukul 5.00 dan selepas itu Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim.

6.03 ptg.

Tuan Mak Hon Kam (Tanjong Malim): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut bersama membahaskan usul Titah Ucapan yang telah dibuat pada 30hb Mac, 1976. Dalam usul Titah Ucapan Baginda adalah disebut dan saya petik: "Kerajaan Beta akan menyediakan peluang-peluang terutamanya

untuk rakyat yang miskin dan rakyat mesti sanggup menukar sikap dan melatih diri dan merebut peluang-peluang ini supaya kehidupan mereka menjadi lebih sempurna." Dan juga dari paragraf yang kedua: "Keselamatan negara merupakan masaalah penting di saat ini. Keselamatan negara ialah keselamatan rakyat sendiri".

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperbaiki hal kehidupan rakyat miskin tentu akan menolong meyakinkan mereka, bahawa perang menentang komunis adalah perang rakyat. Tuan Yang di-Pertua, masaalah keselamatan negara bukan sahaja menjejaskan kehidupan rakyat bahkan juga akan menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat terhadap Kerajaan kerana gagal menyelesaikan masaalah itu. Jika masaalah keselamatan ini bertambah buruk, kesetabilan politik negara ini akan diancam pula. Adalah menjadi tugas kita semua memastikan masaalah keselamatan ini diselesaikan, untuk tujuan tersebut pihak Kerajaan hendaklah memusatkan pembangunan ekonomi untuk meninggikan taraf hidup rakyat. Yang lebih penting lagi, Tuan Yang di-Pertua, memberi lebih perhatian terhadap rakyat yang miskin, dengan menciptakan peluang-peluang kepada yang tidak mempunyai tanah untuk mempunyai tanah. Dan kepada para penganggur dengan pekerjaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian mereka dapat merasa lebih selamat dan lebih bertanggungjawab terhadap kebaikan negara. Ini tentu akan menjadikan mereka lebih taat kepada negara dan perasaan tidak puas hati terhadap Kerajaan itu akan lenyap.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak berharap melihat lagi zaman dharurat dalam masa penjajahan British satu masa dahulu di mana kebebasan rakyat dihadkan dan pembangunan negara tidak dijalankan.

6.08 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyembahkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan di samping itu, saya suka mengambil peluang ini untuk menyuarakan beberapa perkara yang menarik perhatian saya.

Perkara yang pertama ialah mengenai pelajaran, khasnya Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Abdul Rahman Yaakub di

Bota, Parit. Sekolah ini adalah sekolah yang terbesar di Semenanjung Malaysia dan mempunyai murid seramai 2,700 orang dan 96 orang guru. Sebagai sekolah yang besar dan bilangan murid yang begitu ramai adalah sukar bagi guru-guru untuk mengawal disiplin terhadap murid-muridnya. Sekolah ini harus mempunyai asramanya sendiri. Asrama memang perlu untuk mendapatkan murid-murid yang tinggal dari jauh dari sekolah ini. Sekolah ini patutlah juga dilengkapi dengan sebuah Dewan dan menambahkan bilangan tandasnya. Memang sangat ganjil bagi sekolah yang begitu besar tidak mempunyai Dewan. Sedia maklum, Dewan memainkan peranan yang penting bagi tiap-tiap sekolah. Di Dewan murid-murid boleh mengadakan kegiatan-kegiatan seperti mengadakan majlis-majlis pementasan demi meninggikan kebudayaan dan kesenian bangsa, majlis syarahan dan lain-lain kegiatan yang memerlukan satu ruangan yang besar. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Pelajaran dapat mengambil perhatian yang serious mengenai perkara ini.

Perkara yang kedua pula ialah meninggikan taraf ekonomi rakyat. Saya sedar bahawa kawasan Parit masih belum maju kalau dibandingkan dengan lain-lain kawasan. Kedudukan ekonomi rakyat di kawasan ini masih jauh ketinggalan kebelakang. Rakyat di kawasan ini tidak mencukupi tanah untuk membuat perusahaan sendiri setelah jumlah mereka makin bertambah. Kesan dari kurang mata pencarian para pemuda telah banyak berhijrah ke bandar-bandar besar untuk mencari pekerjaan. Kesulitan yang dideritai oleh penduduk kawasan ini memang disedari oleh Kerajaan Pusat dan Negeri. Dalam mengatasi kesulitan ini, Kerajaan hendaklah melancarkan beberapa projek pembangunan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Perkara yang lain ialah mengenai bekalan Letrik ke kampung-kampung yang belum mendapat bekalan api, seperti Tanjung Belanja dan kampung-kampung yang berhampiran dengannya. Adalah diharapkan Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan dapat mengambil perhatian berat agar perasaan jauh hati tidak berlaku di kawasan yang berkenaan. Dalam hal ini walaupun banyak perbelanjaan yang diperlukan tetapi adalah juga menjadi tanggungjawab dan kewajipan Kerajaan supaya kemudahan-kemudahan ini dapat dinikmati oleh semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di kawasan saya masih banyak yang bergantung hidupnya kepada pertanian serta berkebun kecil. Keadaan sekarang sudah berubah. Sebab utama berlaku demikian ialah kerana penduduk sudah berganda ramainya, sedangkan tanah yang boleh diusahakan adalah terhad iaitu sebanyak dahulu juga. Dari satu pilihanraya ke satu pilihanraya rakyat menunggu-nunggu akan perubahan itu. Tetapi keadaannya tidak juga berubah. Kesempitan hidup yang umumnya dideritai seperti biasa juga. Tidak kira siapa calun yang berjaya dan mereka belum dapat berikhtiar memenuhi kehendak rakyat di dalam kawasan ini. Oleh sebab saya tidak mahu pisang berbuah dua kali, maka itulah sebabnya saya mengambil berat menekankan supaya kawasan Parit yang telah lama tertinggal terbiar itu dimajukan. Ikhtiar untuk membesarkan kawasan-kawasan kampung tidak ada. Untuk membuka satu kawasan baharu, kawasannya tidak ada lagi. Sekalipun Nasiruddin Forest Reserve yang pada suatu ketika dahulu diura-urakan untuk diberi kepada penduduk Layang-layang Kanan, Bota dan Lambor Kanan untuk dijadikan kampung baharu tetapi reserve itu telah diuntukkan bagi tujuan lain dan harapan penduduk kampung-kampung yang saya sebutkan tadi menjadi hampa sama sekali.

Jadi untuk menjamin masa depan dan mengatasi masalah hidup terutama golongan jenerasi baharu atau para belia supaya tidak meninggalkan kampung dan berhijrah ke kota-kota besar untuk menyambung nasib di tempat orang kawasan ini perlu juga dimajukan. Akibat kekurangan belia di kampung-kampung, pelancaran projek pembangunan di dalam kampung menjadi lebih sukar. Tidak dinafikan bahawa penduduk kampung terhutang budi kepada Kerajaan kerana telah memberi beberapa kemudahan seperti jalanraya, kelinik-klinik bidan untuk kemudahan ibu-ibu mengandung. Sekolah-sekolah baharu menyediakan kemudahan teknik pertanian dan berbagai-bagai kemudahan lagi. Tetapi kemudahan pembangunan sahaja tidak akan dapat mengatasi masalah hidup mereka. Dalam zaman perlumbaan dan bergerak cepat ini mereka memerlukan jaminan dalam bidang ekonomi.

Satu kawasan industri patut ditimbangan dan dibuka di Parit. Pelabur-pelabur asing dan pengusaha-pengusaha secara joint-venture hendaklah dipelawa mendirikan

kilang-kilang mereka di dalam kawasan perusahaan itu. Dengan adanya kilang-kilang itu masalah pengangguran di kalangan belia di luar bandar dapat diatasi. Banyak belia-belia yang menganggur di kampung-kampung yang berhampiran dan dapat juga mengatasi penghijrahan belia-belia ke bandar-bandar. Ianya juga dapat membandarkan kawasan luar bandar dan menyusun semula masyarakat sambil menambahkan revenue kepada negara. Kawasan yang sesuai untuk dijadikan kawasan industri ialah Kawasan Hutan Simpan Bota, sebuah kawasan di kiri kanan jalanraya Bota ke Lumut. Mengapakah kawasan ini yang dicadangkan? Kawasan ini mempunyai infra-structure dan potensi yang diperlukan. Perhubungan yang mudah memang telah disediakan dengan adanya jalanraya yang menghubungkan bandar Ipoh dan Lumut bakal pelabuhan bagi negeri Perak. Kuasa letrik mudah diperolehi dari kawasan lombong yang berhampiran. Air juga boleh didapati dari Sungai Perak atau anak-anak sungai yang banyak. Tenaga buruh tidak akan menjadi masalah dengan banyaknya bilangan belia yang menganggur di kawasan ini di sepanjang kampung yang berhampiran dengan Sungai Perak. Hasil keluaran kilang itu dengan mudah boleh dipungkah melalui Lumut yang tidak lama lagi menjadi pelabuhan yang besar. Letaknya dari Ipoh, pusat Kerajaan Negeri Perak dan nadi Negeri Perak, jauh hanya lebih kurang 20 batu sahaja. Kawasan ini lebih maju dan sesuai setelah apa yang saya fahami apabila Keretapi Tanah Melayu membina perhubungan jalan keretapi dari Ipoh ke Lumut pada suatu ketika kelak apabila Lumut menjadi pelabuhan dan pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita masih banyak masalah yang mesti dihadapi, usaha Kerajaan untuk memberi peluang sekurang-kurangnya 30% penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan masih belum tercapai. Setakat ini cuma 1.2% sahaja yang telah dicapai, sedangkan tempoh sudah hampir sampai. Sebab-sebab kegagalan itu ada banyak. Di antaranya penyelewengan pihak pentadbir yang menjalankan kerja memberi peluang kepada orang-orang Melayu itu. Tegasnya rancangan Kerajaan sering terganggu akibat kurang didikasi di kalangan kakitangan Kerajaan. Sekarang Rancangan Malaysia Ketiga akan dilancarkan tidak lama lagi. Rancangan ini tidak

akan berjalan dengan pesat jika keadaan seperti yang ada sekarang tidak diperbaiki. Jadi adalah menjadi tanggungjawab kita selaku Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mengambil perhatian berat sebarang penyelesaian yang berlaku. Terpulanglah kepada kita untuk membetulkannya.

Tuan Yang di-Pertua, pengetahuan sivik sangat penting kepada kita terutama ketika kita sedang berusaha menyusun satu masyarakat baru dalam negara. Melalui sivik rakyat dapat mengenali secara dekat terhadap structure tata-negara, iaitu letaknya Kerajaan yang memerintah, jentera-jentera Kerajaan yang mengendali aspek kemajuan, pembangunan dan kemakmuran negara. Begitu juga serba peranan yang harus dimainkan oleh setiap rakyat dalam negaranya sendiri. Melalui sivik juga rakyat dari sebuah negara dapat memahami bentuk pemerintahan dan ujudnya semangat cintakan tanah-airnya sendiri. Kerap kali kita dengar ada di antara rakyat terutama mereka yang terlalu jahil serta menjauhkan diri dari mencampuri gerakan politik mengeluarkan berbagai-bagai tuduhan dan menggambarkan rasa tidak puas hati mereka terhadap langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan. Mereka ini tidak mempunyai rasa kasih sayang terhadap orang lain. Kita sering terdengar beberapa mangsa kemalangan yang tidak dapat memberi keterangan terhadap mereka yang bertanggungjawab, iaitu yang terlibat melarikan diri begitu juga dalam kes rompakan di mana perompak dapat melarikan diri walaupun rompakan itu berlaku di siang hari dan di tengah-tengah khalayak ramai. Kerajaan patut mengadakan kempen supaya semua rakyat menanamkan rasa kasih sayang terhadap orang lain dan mempunyai perasaan sivik untuk menolong.

6.18 ptg.

Tuan R. Rajasingam (Jelutong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh untuk mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap, saya minta maaf sekiranya saya ada tersilap sedikit menggunakan bahasa di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan Pusat telah mengumumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga keutamaan akan diberi kepada Negeri-negeri yang kurang maju. Kami dari Gerakan Rakyat Malaysia menyokong penuh prinsip ini. Walau bagaimanapun kami berpendapat bahawa Kerajaan Pusat harus juga membantu Negeri-negeri yang maju supaya tembok pembangunan diperkukuhkan lagi.

Yang pertama, penduduk-penduduk luar bandar berhijrah ke bandar-bandar besar seperti Melaka, Seremban, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Ipoh dan Bandaraya Pulau Pinang telah menjadi satu masalah besar bagi Kerajaan Negeri yang berkenaan, maka berhubung dengan perumahan, perkhidmatan sosial haruslah juga diberi kepada mereka dari satu masa ke satu masa.

Yang kedua, negeri-negeri yang telah dianggap maju oleh Kerajaan Pusat seperti Negeri Pulau Pinang bolehlah saya katakan ada juga kawasan-kawasan seperti Kepala Batas, Nibong Tebal, Balik Pulau adalah daerah-daerah yang kurang maju. Saya harap Kerajaan bolehlah menolong memajukan daerah-daerah tersebut. Janganlah memikirkan dahulu orang mengatakan bahawa Pulau Pinang adalah progressive State. Itu tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang Pulau Pinang bukanlah progressive State lagi, malah telah mundur. Umpamanya, kita telah naik ke tingkat 12 tetapi sekarang kita telah turun ke tingkat 9.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa yang turun?

Tuan R. Rajasingam: Ke tingkat 9 kita turun, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan R. Rajasingam: Perkara yang ketiga ialah berkenaan dengan penduduk-penduduk dalam Bandaraya George Town. Oleh kerana kebanyakan mereka itu bekerja dengan Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan (L.P.K.T.) mereka adalah tertakluk di bawah Sekim Gaji Harun. Oleh sebab adanya krisis minyak, Kerajaan-kerajaan Tempatan sekarang mengalami kekurangan wang. Di Pulau Pinang sekarang ini ada satu krisis di mana L.P.K.T. telah membuat assessment rumah terlalu tinggi sehingga 80% lebih. Ini

menyebabkan rakyat tidak mampu menanggungnya. Saya minta kepada Kementerian yang berkenaan untuk memberi lebih grant kepada L.P.K.T. oleh kerana dahulu air dijagai oleh City Council of George Town, sekarang telah diambil alih oleh L.P.K.T. Begitu juga berkenaan dengan letrik telah diambil alih oleh National Electricity Board. Sekarang ini City Council tidak ada apa-apa keuntungan lain. Saya lihat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidak ada di sini. Kalau beliau ada

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak mengapalah, dia ada mendengar di bilik pejabatnya.

Tuan R. Rajasingam: Lagi satu. Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang sebelum tahun 1975 kita hanya ada sedikit tax-free tetapi selepas 7hb November, 1975 langsung tidak ada. Saya mintalah kepada Kerajaan Pusat supaya mengadakan satu rancangan untuk membawa pelancung-pelancung dari luar negeri melawat ke Pulau Pinang dan kita adakan sebuah duty-free shop dengan menggunakan paspot seperti mana yang dibuat di lain-lain negeri.

Saya hendak bercakap berkenaan dengan apa yang ditegur oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, beliau juga seorang Peguam seperti saya untuk mencari nafkah. Saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang berhubung dengan suratnya iaitu Encik Mohamed Ibrahim

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu tidak payah diulang kerana sudah dibawa dahulu.

Tuan R. Rajasingam: Saya minta Yang Berhormat Menteri Undang-undang memberikan penjelasan.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Jawapannya telahpun saya sediakan dengan panjang dan esok bolehlah Ahli Yang Berhormat itu mendengarnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pada pukul 5.00 esok.

Tuan R. Rajasingam: Bukan premature, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun adalah salah seorang ahli Bar Council of Malaysia. Saya nampak dalam negeri ini sahaja Yang Berhormat Menteri Undang-undang membuat Undang-undang dengan tidak bertanya (consult) dengan Bar Council ataupun Peguambela-peguambela atau Peguamcara. Yang Berhormat Menteri itu sendiri sahaja membuatnya (*Ketawa*). Tadi Yang Berhormat Menteri itu telah menjawab berkenaan drug addiction, dia mengatakan 56 orang telah ditangkap bersangkutan dengan Emergency Ordinance, 1969 dan telah dimasukkan di Pulau Jerejak dan 20 orang lagi masih ada dalam tahanan. Saya tidaklah berapa pandai dalam Undang-undang tetapi setahu saya Yang Berhormat Menteri itu kenal pinda Undang-undang kalau Ordinan tahun 1969 itu tidak boleh dipakai lagi. Saya tidak mahu bercakap panjang berkenaan dengan perkara ini kerana ini adalah *sub judice*, sebab ianya belum lagi dibuat hukuman (judgement).

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.